ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DIRIWAYATKAN dari Aisyah Radiallahuanha, beliau berkata, "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selalu berpuasa sehingga kami mengatakan Baginda tidak pernah berbuka; dan pernah Baginda sentiasa berbuka hingga kami mengatakan Baginda tidak pernah berpuasa. Aisyah Radiallahuanha meneruskan lagi, "Aku tidak melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyempurnakan puasa sebulan, kecuali Ramadan. Dan aku tidak melihat Baginda berpuasa lebih banyak dari bulan-bulan yang lain melainkan pada bulan Syaaban".
(Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.05 SUBUH 5.15 SYURUK 6.33 DUHA 6.55 ZUHUR 12.34 ASAR 3.51 MAGHRIB 6.34 ISYAK 7.43
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 25 | 26 FEBRUARI 2024/ 1445 شعبان 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN PERCUMA

SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024
'BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA'

# PERHIMPUNAN AGUNG HK DIRAIKAN MERIAH, PENUH SEMANGAT PATRIOTIK



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS**, Sabtu, 24 Februari. - Stadium Negara Hassanal Bolkiah sekali lagi menjadi saksi terpahat sejarah dalam meraikan empat dekad kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dengan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024.

Hujan lebat yang turun seketika sebelum upacara bermula tidak melemahkan semangat cintakan negara yang terpancar pada setiap wajah ribuan rakyat daripada segenap lapisan umur yang membanjiri Stadium Negara Hassanal Bolkiah hari ini untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.

Bertemakan 'Bersatu Mencapai Cita Negara', kemeriahan upacara itu dapat disaksikan melalui semangat patriotik dan rasa teruja yang dizahirkan oleh setiap peserta yang menjayakan sambutan berkenaan yang hadir sejak awal pagi lagi.

>> Muka 3

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024. - Foto : Masri Osman.**

# Berkenan hantar titah perutusan tahniah





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan juga rakyat Kuwait.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan juga rakyat Kuwait bersempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait yang Ke-63 Tahun.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



BERMUNAJAT semarakkan malam Nisfu Syaaban

Muka 12



MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Arwah Sekampung

Muka 13



MENDUKUNG inisiatif pengurangan sisa plastik

Muka 18



Belia Berwawasan

KECEKALAN Dayang Liyana Imani jadi inspirasi

Muka 29

# Perpaduan, semangat patriotisme tunjang ketahanan, keutuhan negara

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH**, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmatNya jua, dapatlah kita bersama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 Tahun pada tahun ini yang bertemakan 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Nikmat 40 tahun kemerdekaan yang kita sambut pada hari ini, merupakan kurnia Allah melalui usaha dan perjuangan generasi masa kini dan orang-orang sebelum kita. Pengertian kemerdekaan merangkumi aspek-aspek kebebasan dan pencapaian hidup harmoni, inilah pengertian sejati kemerdekaan itu.

Kerana itu, kemerdekaan mesti dipelihara, ditanai dan dipertahankan demi kesucian ugama dan kedaulatan bangsa, negara dan raja.

Ini semua memerlukan adanya perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan rakyat jelata, selaku tunjang ketahanan dan keutuhan negara.

Alhamdulillah, sejak empat (4) dekad kemerdekaan, negara telah meraih pelbagai pencapaian bermakna, dalam banyak bidang. Ini terbukti, apabila negara beroleh kedudukan yang tinggi dalam laporan Human Development Index (HDI) pada tahun 2021, yang meletakkan Negara Brunei Darussalam (NBD) di tangga Ke-51 daripada 191 buah negara. Dari petunjuk terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini yang mengukur taraf kehidupan dan ekonomi, maka dapatlah kita menterjemahkannya sebagai keberhasilan usaha negara dalam meningkatkan jangka hayat penduduk, kemahiran dan pendidikan serta kualiti kehidupan, selaras dengan Sustainable Development Goals (SDG) dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ianya juga dikaitkan dengan keberkesanan inisiatif-inisiatif di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang telah banyak menyumbang kepada pencapaian-pencapaian penting, di mana sehubungan ini, kerajaan beta akan terus memberikan tumpuan kepada projek-projek strategik RKN, khususnya di bidang yang berkaitan dengan transformasi digital, yang mampu untuk memberikan impak positif dan signifikan kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Ini termasuklah, penekanan untuk meningkatkan kapasiti tenaga kerja, daya inovasi dan tahap produktiviti negara serta peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Menyentuh sedikit mengenai pembangunan ekonomi negara, beta gembira dengan adanya kemajuan dalam bidang bukan minyak dan gas ini memberi akses kepada pasaran-pasaran baharu dengan meningkatkan maritime connectivity dengan negara-negara luar.

Alhamdulillah, usaha telah dilihat tercapai, apabila Syarikat Muara Port Company Sdn. Bhd. telah berjaya merasmikan pelayaran pertama perkapalan kontena, langsung dari Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, Republik Rakyat China pada tahun 2023.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan Titah Perutusan bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.**

Pencapaian ini juga adalah seiring dengan hasrat untuk menjadikan NBD sebagai salah sebuah hab terpenting dalam meningkatkan rangkaian perdagangan antarabangsa khasnya kawasan BIMP-EAGA.

Dalam masa yang sama, usaha juga dilaratkan kepada peningkatan projek usaha sama dengan Pelaburan Langsung Asing, antaranya dalam bidang berkaitan sekuriti makanan yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan import.

Kita juga ingin terus melihat kemajuan pengusaha-pengusaha tempatan dalam bidang-bidang yang diutamakan oleh negara, dan meningkatkan penglibatan pengusaha-pengusaha baharu, khususnya di kalangan generasi muda. Keyakinan ini terbit dari sikap orang-orang Brunei yang cekal berusaha memajukan diri, meskipun ada kalanya berhadapan dengan pelbagai cabaran.

>> Muka 12

## WAKTU SEMBAHYANG

| Februari MASIHI | HARI | Syaaban HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | ISNIN | 16 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.55 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |
| 27 | SELASA | 17 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.55 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |
| 28 | RABU | 18 | 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 29 | KHAMIS | 19 | 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 1 Mac | JUMAAT | 20 | 5.04 | 5.14 | 6.32 | 6.54 | 12.34 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 2 | SABTU | 21 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.54 | 12.33 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 3 | AHAD | 22 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33 | 7.43 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 26 °C | 32 26 °C | 32 27 °C |
| Pekan Bangar | 32 26 °C | 32 26 °C | 32 27 °C |
| Pekan Tutong | 32 26 °C | 32 26 °C | 32 26 °C |
| Kuala Belait | 32 26 °C | 32 26 °C | 32 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 26 FEBRUARI 2024

# Bersama membangun negara menuju kecemerlangan

**MASIH** berkisar lagi tentang sambutan Hari Kebangsaan Ke-40, 2024 yang telah diadakan dengan gilang-gemilang. Masih lagi terbayang gema suara laungan merdeka, suara ikrar daripada rakyat yang ikut serta dalam sambutan tersebut, bergema membangkitkan satu perasaan yang tidak dapat diucapkan kerana ia mengimbas kembali ketika negara buat pertama kali mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada 1 Januari 1984.

Tanpa disedari negara sudah mencapai 40 tahun merdeka. Ibarat manusia, umur 40 tahun sudah boleh dikatakan matang dan bijak membuat keputusan, begitulah juga dengan negara kita. Setelah 40 tahun merdeka setentunya banyak perubahan yang membanggakan dapat dilihat sebagai bukti nyata bahawa transformasi landskap negara begitu pesat dijalankan. Pembangunan negara berjalan dengan jayanya dan seluruh rakyat menikmati segala kemudahan yang ada.

Tetapi apa yang lebih penting lagi ialah jiwa dan semangat patriotisme kita, jiwa kita selaku rakyat Brunei yang bersedia untuk mempertahankan negara ini daripada sebarang anasir yang ingin memporak-perandakan negara ini. Di sinilah peranan kita sebagai rakyat negara ini. Patriotisme seiring dengan cita negara menuju Wawasan 2035 akan menjadi kenyataan dengan adanya perpaduan seluruh rakyat demi negara ini.

Negara memerlukan bakal pelapis yang akan membawa negara ke mercu kegemilangan, belia berwawasan yang akan menjadi peneraju negara. Oleh itu, belia berilmu yang mempunyai pendidikan berkualiti merupakan harapan negara dalam memastikan perjalanan pembangunan negara akan mencapai matlamatnya.

Dalam sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada menyentuh mengenai kemajuan belia yang berkecimpung dalam bidang-bidang yang diutamakan negara. Baginda ingin melihat anak-anak muda untuk terus berusaha dan yakin bahawa mereka ini akan terus memajukan diri meskipun menghadapi cabaran.

*"Kita juga ingin terus melihat kemajuan pengusaha-pengusaha tempatan dalam bidang-bidang yang diutamakan oleh negara, dan meningkatkan penglibatan pengusaha-pengusaha baharu, khususnya di kalangan generasi muda. Keyakinan ini terbit dari sikap orang-orang Brunei yang cekal berusaha memajukan diri, meskipun ada kalanya berhadapan dengan pelbagai cabaran".*

- Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 Bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Oleh itu, para belia perlu bertekad untuk memajukan diri sendiri, bangsa serta negara kerana mereka inilah harapan negara yang akan menentukan maju mundurnya sesebuah negara. Kita sudah berada pada era globalisasi yang akan terus bergerak ke hadapan. Jika kita lalai dan lambat merebut peluang maka kita akan jauh ketinggalan. Teruslah maju demi negara yang kita sayangi. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

# Perhimpunan Agung HK diraikan meriah, penuh semangat patriotik





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bercemar duli bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 (kanan). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada 409 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).**

**>> Muka 1**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin, Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Semangat itu terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang berkenan bercemar duli bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke upacara tersebut.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta kerabat diraja yang lain.

**>> Muka 4**

**PERBARISAN Lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 14,120 peserta yang mewakili 170 buah pasukan didahului oleh Kepala Perbarisan iaitu Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam dan Bendera Logo (kanan, kanan sekali, bawah kiri dan bawah kanan).**











KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Juga berangkat paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 3

Upacara sambutan secara rasmi bermula dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sekitar pukul 9.00 pagi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Upacara Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun HK NBD Ke-40 kali ini melibatkan kira-kira 25,000 peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara, termasuk belia, mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan serta masyarakat umum yang menyertai dalam Acara Perbarisan dan Persembahan Padang.





>> Muka 5





SEKITAR Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40,Tahun 2024 (kiri). Sementara gambar kanan, lafaz Ikrar Hari Kebangsaan dari Pasukan Pembaca Ikrar yang dikepalai oleh Pegawai Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Amirulmukmenin bin Haji Omar.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan rasa terharu dan berbangga atas penyertaan rakyat bagi memeriahkan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.**



**>> Muka 4**

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dikumandangkan sejurus keberangkatan tiba dan setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada 409 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Acara sambutan kali ini disusun atur mengikut kumpulan di hadapan Pentas Diraja yang diselang-selikan oleh Perbarisan Lalu dengan setiap segmen didahului oleh persembahan dan diikuti oleh Perbarisan Lalu, iaitu Persembahan 'Cita Bangsa, Sejarah Terukir' dengan Perbarisan Lalu dari Kepala Perbarisan dan Pasukan Beruniform serta Sektor Awam dan Persembahan 'Bersatu Mempertahankan Bangsa' dengan Perbarisan Lalu dari Kumpulan Pendidikan, Persatuan dan Swasta.

**>> Muka 6**






**JELAS terpancar semangat dan keceriaan para peserta perbarisan dan orang ramai yang hadir di stadium berkenaan (atas, atas kanan, kanan, bawah, bawah kiri dan bawah kanan).**













KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra dan bergambar ramai bersama para peserta (kiri dan atas). Sementara gambar bawah, kira-kira 25,000 peserta yang terlibat menjayakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.



>> Muka 5

Perbarisan Lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 14,120 peserta yang mewakili 170 buah pasukan didahului oleh Kepala Perbarisan iaitu Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam dan Bendera Logo yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Beruniform; Pasukan Kadet dan Persatuan Beruniform; Pasukan Beruniform Lain; Pasukan Sektor Awam; Pasukan Jabatan-jabatan Daerah dan Pasukan Badan Berkanun.

Hadirin kemudian dipersembahkan dengan Persembahan Gerak Silat 'Cita Bangsa, Sejarah Terukir' yang disertai kira-kira seramai 1,000 peserta, terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan, sekolah-sekolah swasta dan pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), anggota PPDB dengan sokongan 1,800 peserta Pasukan Human LED, 250 peserta koir mewakili kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta belia dan kira-kira 130 pemain Orkestra Kebangsaan.

Turut menarik perhatian ramai ialah Persembahan Mini Tatu 'Bersatu Mempertahankan Bangsa' yang dipersembahkan oleh 500 anggota ABDB dengan pembentukan formasi corak menggambarkan transisi pencapaian pemacu pemodenan NBD, seiring dengan peredaran masa. Ini diikuti dengan Persembahan Terjun Payung oleh empat penerjun ABDB, diketuai oleh 717 Mejar Moza Syaffiarizal dari Rejimen Pasukan Khas.

Acara disusuli lagi dengan Perbarisan Lalu daripada Kumpulan Pendidikan, Persatuan dan Swasta yang mewakili Pasukan Institusi Pengajian Tinggi; Pasukan Pendidikan Pasca Menengah; Pasukan Pendidikan Ugama; Pasukan Pendidikan Menengah Kluster I, II, III, IV, V dan VI, Pasukan Orang Kelainan Upaya dan Warga Emas; Pasukan Sahabat; Pasukan Gabungan Persatuan Sukan Kebangsaan; Pasukan Persatuan Belia dan Komuniti; Pasukan Gabungan Persatuan-persatuan Umum; Pasukan Gabungan Sektor Swasta dan Institusi Kewangan; Pasukan Gabungan Syarikat Darussalam Asset dan Anak-anak Syarikat; Pasukan Gabungan Industri Minyak dan Gas, Pasukan Gabungan Perusahaan Kecil dan Sederhana, Pasukan Cemerlang dan Pasukan 7 Puak Jati Brunei.

Seterusnya, Ikrar Hari Kebangsaan dilafazkan yang dikepalai oleh Pegawai Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Amirulmukmenin bin Haji Omar sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah DYMM.

Pasukan Pembaca Ikrar melibatkan seramai 84 peserta belia terdiri daripada para belia gabungan pegawai dalam sektor kerajaan, swasta dan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mempunyai latar belakang akademik yang pelbagai, berpotensi, berkemahiran, cemerlang, berdaya tahan dan mampu menanai serta mendukung tema Hari Kebangsaan 'Bersatu Mencapai Cita Negara' dan sekali gus menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah kemudian bergema dengan laungan takbir 'Allahuakbar' yang dilaungkan sebanyak tiga kali dipimpin oleh Penerbit Tingkat I, di Jabatan Radio Televisyen Brunei, JPM, Awang Mohammad Naqiuddin bin Haji Ismail.

Sambutan terus diwarnai dengan Persembahan Tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' bagi meraikan kejayaan 40 Tahun Kemerdekaan NBD, dijayakan oleh 11,000 peserta. Upacara ditutup dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' diikuti terbang lalu empat buah Pesawat Black Hawk dan dua buah Pesawat C295MW Tentera Udara Diraja Brunei.

Sebelum berangkat meninggalkan upacara, Kebawah DYMM berkenan bercemar duli berkenan bergambar bersama para peserta yang menjayakan sambutan tahun ini.

Empat dekad NBD mencapai kemerdekaan, pelbagai onak dan ranjau ditempuhi untuk berjaya pada hari ini, berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain, berdiri sebagai sebuah negara yang berdaulat. Di bawah kepimpinan Kebawah DYMM pelbagai kemajuan dan transformasi telah dilaksanakan di mana negara terus menikmati keamanan dan kesejahteraan.

Untuk itu, sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah bumi indah permai NBD, marilah kita merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menyambut HK Ke-40 pada tahun ini dan sama-sama berdoa semoga NBD akan terus aman, makmur dan berjaya mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.







SEKITAR Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 (atas kiri, kiri dan kanan).

# PERSEMBAHAN PADANG SERLAHKAN SEMANGAT KEMERDEKAAN, KEUTUHAN BANGSA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohamad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin**

**BERAKAS**, Sabtu, 24 Februari. - Segmen persembahan padang bersempena Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, menyaksikan orang Brunei bersatu padu menghadapi cabaran sepanjang sejarah, mencerminkan semangat patriotisme, ketahanan dan tekad untuk menjaga kedaulatan, keamanan, kesejahteraan dan keutuhan negara-bangsa.

Tema pada tahun ini, iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara' menceritakan semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara, di mana pencapaian dan perkembangan NBD selama 40 tahun ini menciptakan landasan untuk harapan dan komitmen masa hadapan.

Nilai dan amalan baik orang Brunei yang diwarisi akan menjamin kelangsungan hidup beraja, bernegara dan bermasyarakat menuju ke arah negara aman makmur, sebagaimana yang terdapat dalam petikan ayat 15, Surah Saba' yang bermaksud "*Negara yang aman, makmur dan Tuhan Maha Pengampun*".

Kemeriahan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, dimulakan dengan Persembahan 'Cita Bangsa, Sejarah Terukir' yang disertai kira-kira seramai 1,000 peserta, terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan, sekolah-sekolah swasta dan Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), dengan sokongan 1,800 peserta pasukan 'Human LED', 250 peserta koir mewakili kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan serta belia, dan kira-kira 130 pemain orkestra.

Persembahan tersebut mengimbas sejarah detik-detik pertemuan tanah Brunei oleh 14 orang adik-beradik, pimpinan Awang Alak Betatar iaitu Sultan Muhammad Shah, seterusnya pembentukan Negara Brunei Darussalam yang kaya dengan khazanah budaya dan warisan.

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA

**>> Muka 8**



**PERSEMBAHAN pada tahun ini bertema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' menceritakan semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara, di mana pencapaian dan perkembangan NBD selama 40 tahun ini menciptakan landasan untuk harapan dan komitmen masa hadapan (atas, atas kanan, kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah, orang ramai yang hadir memeriahkan dan memenuhi lagi Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.**









>> Muka 7

Semangat kesatuan dan perpaduan orang-orang Brunei membangun negara dan membina pertahanan menghadapi segala hambatan cabaran, melewati peristiwa Perang Kastila, Pendudukan Jepun, Kuasa British, Perang Saudara, Pemberontakan, dan COVID-19.

Dengan adanya kesepaduan dan kesatuan, 'Cita Bangsa Sejarah Terukir' menggapai sebuah impian, 'Negara Aman, Negara Makmur dan Negara Sejahtera'.

Segmen seterusnya pula ialah persembahan 'Bersatu Mempertahankan Bangsa' yang mencerminkan NBD yang sangat komited dan titih dalam mencapai kemajuan holistik yang berdaya tahan, seiring dengan peredaran zaman. Namun masih lagi menerapkan pentingnya pendidikan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Persembahan ini menjadi simbol semangat di bawah pimpinan raja yang berwibawa dalam mempertahankan bangsa, demi kesejahteraan dan ketahanan nasional.

Dengan menurunkan seramai 464 anggota, Persembahan Tatu dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) itu, menggambarkan transisi pencapaian pemacu pemodenan NBD, seiring dengan peredaran masa.

Persembahan juga menyaksikan gabungan pancaragam ABDB seramai 90 anggota yang terdiri daripada Gabungan Pancaragam ABDB Serunai dan Tambur yang mendendangkan lagu 'Pahlawan Bangsaku'.

Lebih memukau para penonton yang hadir ialah pertunjukan turun tali dari SKUADRON 23, Tentera Udara Diraja Brunei di menara hadapan kiri dan kanan, yang membawa bendera Negara Brunei Darussalam dengan diiringi *smoke* berwarna oren.

Sementara itu, Persembahan Kawad Senyap dan Tepat (Silent Parade Drill Squad - SPDS) dari seramai 100 anggota Tentera Darat Diraja Brunei, membentuk Peta Negara Brunei Darussalam, yang mengandungi Daerah Brunei dan Muara (DBM), Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Turut menyertai persembahan ialah seramai 200 anggota ABDB dari unit Angkatan Tentera dan 50 jurulatih jasmani dari ABDB yang membentuk corak rumah Kampong Ayer, yang merupakan dan melambangkan perkampungan dan pusat pentadbiran Kerajaan Terawal di atas permukaan air, dan masih dikekalkan sehingga kini. Struktur pembangunan dinaik taraf bagi keselesaan penduduk-penduduk kampung air.

Gabungan pancaragam ABDB yang mendendangkan lagu '1984/Kampung Air' juga membuat corak '1984', manakala pembentukan corak padian adalah merupakan pedagang-pedagang penduduk Kampong Ayer yang menggunakan gubang sebagai alat perhubungan dari kampung ke kampung, dan dipelopori oleh golongan wanita sebagai salah satu kegiatan sosioekonomi pada masa dahulu, selain pekerjaan sebagai nelayan dan tukang besi.

Seterusnya, pembentukan corak 'Nodding Donkey' adalah struktur pemodenan sebagai lambang dan bukti detik bersejarah penemuan minyak pada tahun 1929, yang telah menjadi sumber utama Brunei yang masih dinikmati sehingga kini, diikuti dengan pembentukan corak Masjid melambangkan agama Islam berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi pegangan teras NBD.

Persembahan seterusnya menyaksikan Pancaragam ABDB mendendangkan lagu 'Maju Negaraku', dan pembentukan corak Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) yang mana pembinaan infrastruktur Jambatan SHOAS mempamerkan kasih dan pemedulian seorang pemimpin kepada rakyat dalam menghubungkan Daerah Temburong dan DBM, serta memajukan sosioekonomi.

Semasa pancaragam ABDB mendendangkan lagu 'Brunei Bumi Bertuah', anggota ABDB pula membuat pergerakan hentak kaki dan perbuatan hormat kepada Bendera NBD yang dinaikkan.

>> Muka 9



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa menyaksikan persembahan pada upacara berkenaan.**











**SEKITAR suasana persembahan pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 yang diraikan dengan penuh kemeriahan dengan semangat patriotik (atas kiri, atas kanan, atas dan kiri).**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri melambai mesra kepada yang hadir memeriahkan upacara berkenaan (atas) manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan menerima junjung ziarah.





>> Muka 8

Anggota ABDB yang berteraskan setia, takwa, berani dan profesionalisme, dalam mempertahankan kedaulatan negara dan menegakkan perlembagaan dan falsafah MIB.

Persembahan turut dimeriahkan dengan penerjunan Hari Kebangsaan Ke-40 tahun yang diketuai oleh 717 Mejar Moza Syaffiarizal dari Regimen Pasukan Khas, diikuti oleh 13955 PW1 Mohamad Sukry bin Gurie, 16027 PW2 (U) Pengiran Muhd. Aqim bin Pengiran Haji Alli, dan 16588 PW2 (U) Md. Hafizal bin Haji. Wahab.

Sementara itu, persembahan tema iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara' dijayakan oleh 4,400 peserta yang terdiri daripada para pelajar sekolah-sekolah menengah, dan maktab-maktab kerajaan dan swasta, PPDB, Pelatih PKBN, Ketua Pasukan Perbarisan, dengan sokongan Human LED, pasukan koir dan pemain orkestra, yang turut disertai oleh Pancaragam PPDB, ABDB, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kadet Polis, Bahagian Kebudayaan, Radio Televisyen Brunei, dan sekolah-sekolah menengah.

Sebuah persembahan meraikan kejayaan 40 tahun kemerdekaan NBD diserikan dengan lagu 'Amanah Merdeka', selaku generasi pewaris yang berperanan dan bertanggungjawab dalam menjunjung titah dan memikul amanah negara.

Setelah itu, gemaan lagu tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara', dengan persembahan pembentukan logo Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024, yang berasaskan dastar dan keris, lambang kemegahan, ketuanan dan kedaulatan bangsa.

Senjata ikonik ini menjadi tanda kebesaran pemerintahan beraja, serta memaparkan kesetiaan dan kesungguhan orang Brunei menyahut kepimpinan luhur Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang memancarkan semangat padu mencapai Wawasan 2035 dan ke arah Negara Zikir.











UPACARA Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 disambut dengan penuh semangat juga warna-warni, menglibatkan masyarakat pelbagai peringkat umur, bersatu padu dan istimewa untuk bumi bertuah juga tercinta, Negara Brunei Darussalam (atas sekali kiri. atas sekali kanan, atas kiri, atas kanan, kiri dan atas).

Pelita Brunei

# TANAI JIWA PATRIOTIK, BERSAMA MEMAJUKAN NEGARA

Berita dan Foto : Khartini Hamir

**BERAKAS,** Sabtu, 24 Februari. - Dengan memasuki usia kemerdekaan 40 tahun, banyak dilihat beberapa pencapaian dan kemajuan telah terlaksana di negara ini, walaupun negara kita tidak setara dan setanding dengan negara-negara luar.

Namun kita sebagai rakyat dan penduduk yang berjiwa patriotisme yang taat beragama, beraja dan bernegara patut melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita dapat tinggal dalam keadaan yang aman damai, sejahtera dan tenteram.

Selain itu, kita juga dapat menikmati beberapa kemudahan percuma yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti rawatan perubatan, pendidikan, kebajikan sosial serta kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain seperti hospital, sekolah, masjid, perumahan dan sebagainya.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengetengahkan mengenai perkara itu dalam temu bualnya bersama Pelita Brunei semasa Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung secara besar-besaran di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Justeru sebagai rakyat dan penduduk di negara ini tambahnya, kita perlu sama-sama berganding bahu memajukan lagi sektor-sektor tertentu di negara ini terutama dalam sektor ekonomi seperti pertanian, perindustrian, pelancongan serta dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Sebagai rakyat dan penduduk NBD juga katanya lagi, kita patut sama-sama mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mencapai Wawasan Negara 2035 dan bagi para belia untuk sentiasa berusaha memajukan diri, gigih berusaha dengan mengambil peluang untuk menceburi bidang-bidang lain sesuai dengan kemajuan teknologi dunia masa kini.

Yang Berhormat juga menyarankan para pencari pekerjaan terutama golongan belia untuk berusaha mencari peluang lain selain berharap semata-mata untuk bekerja di sektor kerajaan dengan memantapkan lagi kebolehan diri dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan, industri dan sebagainya serta meraih pengalaman dalam menyertai aktiviti-aktiviti kesukarelawanan di negara ini.

Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) yang turut sama memeriahkan lagi perarakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 juga melahirkan rasa gembira kerana berpeluang menyertai perarakan tersebut.

Timbalan Yang Dipertua MKOKU, Awang Haji Noorishanuddin bin Haji Noorkaseh memanjatkan rasa syukur kerana di sepanjang 40 tahun kemerdekaan kebajikan golongan OKU di negara ini sentiasa diambil peduli oleh semua pihak-pihak berkepentingan di negara ini.

"Alhamdulillah banyak agensi kerajaan dan swasta mengambil inisiatif dalam memeduli golongan OKU di negara ini dengan berusaha menangani sebarang kesulitan yang kami hadapi dan sedikit sebanyak ia dapat diatasi dengan baik antaranya dengan menyediakan ruang khas dan *accessibility* untuk golongan OKU di tempat-tempat awam, petak letak kereta serta di premis-premis perniagaan dan bangunan-bangunan," jelasnya.

Jika sebelum merdeka tambahnya, perhatian atau pemedulian terhadap golongan OKU mungkin sukar diperoleh atas keadaan-keadaan tertentu, namun selepas beberapa tahun merdeka pihak kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan lebih prihatin terhadap golongan OKU di negara ini.

Atas kesedaran semua pihak berkepentingan di negara ini juga golongan OKU telah dapat diterima tanpa sebarang diskriminasi malah diberikan sokongan pembelajaran dan diberikan peluang pekerjaan demi kelangsungan hidup serta dapat bersosialisasi dengan baik dengan semua lapisan masyarakat.

"Justeru besarlah harapan kami agar usaha-usaha seumpama ini sentiasa diambil perhatian tanpa memberikan sebarang pandangan atau perspektif yang negatif dan tanpa menyisihkan golongan OKU terutama golongan belia-belia OKU yang perlu diberikan kelebihan pembelajaran sedari awal baik dari segi akademik mahupun teknikal," ujarnya lagi.

Beliau juga turut melahirkan harapan agar perancangan di masa hadapan dapat menubuhkan Enabling Village atau Perkampungan bagi Golongan OKU di negara ini dan mendatangkan pakar-pakar tenaga dari luar negara untuk melatih golongan OKU ini dari segi pekerjaan, kemahiran diri dan sebagainya agar mereka dapat menjalankan kehidupan seharian sama seperti orang-orang biasa yang lain.



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan semasa ditemu bual.**



**TIMBALAN Yang Dipertua MKOKU, Awang Haji Noorishanuddin bin Haji Noorkaseh.**

# Perkukuh pembangunan teknologi, kepelbagaian industri

**BERAKAS**, Sabtu, 24 Februari. - Pentingnya pendidikan bagi golongan belia atau anak-anak muda itu bermula dari peringkat rendah lagi.

Memasuki usia dewasa, Brunei menuju ke arah kemajuan dan berpendidikan tinggi di samping negara juga tidak ketinggalan turut memasuki era industri 4.0 di mana negara menerapkan teknologi, pendidikan serta kemajuan dari segi perniagaan bagi menuju mencapai Wawasan Negara 2035.

Pensyarah dari Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (International Graduate Studies - IGS), Awang Abdul Hadi bin Haji Roseli semasa ditemu bual bersama Pelita Brunei pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, menjelaskan dalam mencapai hasrat tersebut, negara perlu berkembang maju dari segi ekonomi, infrastruktur, pendidikan, kepelbagaian industri dan para belianya juga perlu sentiasa memberikan yang terbaik dengan menceburi bidang-bidang yang diyakini mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Tambahnya lagi, bidang industri juga pada masa kini giat menuju ke arah penggunaan Artificial Intelligence (AI), jadi kita perlu sama-sama maju seiring dengan arus kemodenan teknologi itu sendiri, memantapkan kemahiran diri, bersaing secara sihat, dan jangan takut untuk mencuba atau menceburkan diri ke dalam bidang-bidang baharu seperti dari segi teknologi dan kepelbagaian industri seperti bidang seni, sains, perubatan, pertanian, petrokimia dan sebagainya.

"Jika kita lihat juga pada masa kini, anak-anak muda sudah tidak terlalu memilih pekerjaan, seperti mana yang kita lihat pada hari ini banyak vendor-vendor di sini terdiri dari kalangan anak-anak muda dan bidang perniagaan sudah tidak asing lagi di negara kita, di mana anak-anak muda bijak menggunakan pelbagai platform untuk memulakan serta mempromosi perniagaan mereka demi untuk kelangsungan hidup," tambahnya lagi.

Sementara itu, Imelda Groves dari Visual Dimensions Production seterusnya menyatakan, industri Perfileman di negara ini masih boleh dikatakan berskala kecil di mana ia perlu diperkembangkan lagi sejajar dengan arus kemodenan masa kini.

Ia bukan sahaja perlu sokongan daripada orang ramai ataupun pihak-pihak tertentu tetapi juga daripada penggiat-penggiat filem yang perlu tahu cara untuk mengangkat atau menaik taraf industri perfileman di negara ini.

Tambahnya, industri perfileman di negara ini boleh diketengahkan dengan mengangkat identiti Brunei itu sendiri bukan hanya sekadar memfokuskan keutamaan kepada trend mengenai teknikal semata-mata atau teknik penggambaran sahaja tetapi mengenai jalan cerita untuk mengangkat identiti kebruneian itu lebih penting dan lebih cepat untuk kita membawa imej NBD itu ke luar negara atau ke serantau dunia.

"Melaluinya, orang luar akan tahu tentang Brunei itu sendiri tentang bagaimana cara orang kitani bercakap, berpakaian, budaya dan sebagainya dan dari pengalaman juga ramai orang-orang di luar sana tidak tahu mengenai negara *kitani*, dari itu dapat kita masukkan ciri dan imej kebruneian itu ke dalam filem," ujarnya.

Dari filem itu katanya lagi dapat membantu untuk membangunkan industri perfileman itu sendiri di negara kita dan lebih menarik lagi jika hasil atau karya perfileman itu dapat di bawa ke persada dunia.

"Taraf perfileman di negara kita semakin berkembang maju, kalau dulu mungkin satu atau dua buah filem sahaja dalam setahun namun kini filem tempatan itu banyak, ada yang telah melimpasi hingga ke luar negara, ada juga yang setakat di *cinema* namun yang menyedihkan ada yang hanya setakat di platform penstriman sahaja tanpa diberi peluang untuk ke luar negara mahupun di wayang," katanya.

Justeru beliau berpendapat filem-filem yang berpotensi itu perlu diketengahkan lagi dan diberikan sokongan kuat oleh pihak-pihak tertentu untuk dihantar ke filem festival.



**IMELDA Groves dari Visual Dimensions Production.**



**PENSYARAH dari Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (International Graduate Studies - IGS), Awang Abdul Hadi bin Haji Roseli.**

# GALAS AMANAH, TANGGUNGJAWAB DEMI KESEJAHTERAAN ORANG RAMAI

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Sabtu, 24 Februari. - Di sebalik kemeriahan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun 2024, para petugas dan sukarelawan yang terlibat memainkan peranan penting bagi memastikan upacara berkenaan berjalan dengan lancar.

Selain menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, para petugas dan sukarelawan juga perlu membuat persediaan lebih awal termasuk menghadiri raptai yang diadakan beberapa hari sebelum upacara berlangsung.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa petugas dan sukarelawan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, mengenai peranan mereka dalam menjayakan upacara perhimpunan agung berkenaan.

Bagi Jurulatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), 14859 (B) Staf Sarjan Mahadi bin Haji Osli, yang ditugaskan untuk mengawal Zon A, penglibatan warga PKBN dalam acara-acara kenegaraan, bukan sahaja sebagai peserta tetapi juga petugas dan sukarelawan, menandakan semangat patriotik warga program berkenaan.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana kami dapat melaksanakan apa sahaja tugasan diberikan yang melibatkan acara-acara kenegaraan.

"Saya berharap agar penglibatan warga PKBN dalam acara-acara seperti Hari Kebangsaan ini akan dipertingkatkan agar dapat memberi khidmat yang lebih berkesan.

"Walau bagaimanapun, alhamdulillah, setakat ini kami dapat memastikan tugas yang diamanahkan berjalan dengan lancar," katanya.




**JURULATIH Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), 14859 (B) Staf Sarjan Mahadi bin Haji Osli.**

Menurutnya, beliau dan warga PKBN yang lain ditugaskan di beberapa zon bagi memantau kemasukan jemputan yang dikhaskan mengikut zon masing-masing.

Sementara itu, Staf Jururawat / Paramedik, Pengiran Siti Hafizah binti Pengiran Haji Erwan berkata, lebih enam klinik disediakan untuk acara tersebut dan setiap klinik menempatkan kira-kira lima kakitangan termasuk doktor, jururawat dan paramedik bagi memberi bantuan sekiranya ada peserta dan pengunjung memerlukan perkhidmatan perubatan kecemasan ketika sambutan berlangsung.

Beliau yang telah beberapa kali bertugas sebagai paramedik di acara-acara kenegaraan itu mengongsikan bahawa kebanyakan mereka yang memerlukan perkhidmatan perubatan kecemasan adalah disebabkan tidak mengambil makanan terlebih dahulu atau kekurangan air dalam badan.

"Persediaan awal sangat penting sebelum mengikuti atau menghadiri acara sebegini dengan mengambil sarapan pagi walaupun cuma menu ringan, minum air yang cukup dan membawa kipas mini elektrik terutama semasa cuaca panas," katanya.

Salah seorang sukarelawan Pasukan Bulan Sabit Merah (PBSM), Izzat Nur Syazaa Najibah binti Haji Abdul Rahman menzahirkan rasa syukur kerana buat kali pertama dipilih untuk menyertai Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



**ANTARA warga PKBN yang terlibat dalam acara-acara kenegaraan berkenaan.**

Menurutnya, tugas sebagai sukarelawan itu memberi peluang kepadanya untuk menimba pengalaman dalam kerja-kerja melibatkan kemasyarakatan.

Mengulas mengenai peranannya sebagai belia dalam aktiviti kesukarelawan di PBSM, beliau mengakui bahawa banyak kelebihan yang diperolehi dengan melibatkan diri dalam aktiviti berkenaan.

"Di samping membantu orang ramai dengan memberi pertolongan cemas ke atas mereka yang cedera atau sakit, peranan saya sebagai ahli PBSM mendorong saya untuk mencapai cita-cita sebagai seorang pakar perubatan suatu hari nanti," jelasnya.

Beliau menambah, lebih 100 sukarelawan PSBM terlibat dalam upacara tersebut.






**STAF Jururawat / Paramedik, Pengiran Siti Hafizah binti Pengiran Haji Erwan (kiri) dan Pasukan Bulan Sabit Merah (PBSM), Izzat Nur Syazaa Najibah binti Haji Abdul Rahman (kanan).**

# Teruja melihat detik sejarah 40 tahun kemerdekaan NBD

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg Dauddin**



**AWANG Mohamad Asyramisyanie bin Kamis selaku Pemangku Ketua Kampung Kulapis.**

**BERAKAS**, Sabtu, 24 Februari. - Dengan semangat kebangsaan yang membara, kita menyambut dengan gembira Sambutan Hari Kebangsaan negara tercinta Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-40 Tahun.

Setiap tahun, Sambutan Hari Kebangsaan sememangnya menyatukan setiap individu dari pelbagai golongan masyarakat, membangkitkan kebanggaan dan kasih sayang terhadap tanah air tercinta.

Sehubungan itu, tinjauan Pelita Brunei pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 menyaksikan orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat turun padang untuk menyaksikan detik-detik sambutan yang bersejarah berkenaan.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Awang Muhammad Adib bin Azarin yang menetap di Daerah Belait menjelaskan, beliau mula bertolak dari rumah seawal 3.00 pagi kerana tidak mahu melepaskan peluang untuk menyaksikan Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-40 Tahun.

Beliau seterusnya menerangkan Hari Kebangsaan tersebut merupakan hari yang sangat penting dan signifikan pada sesebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

"Alhamdulillah, inilah nikmat yang telah Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dan limpahkan kepada *kitani* orang Brunei dan kita juga seharusnya bersyukur kerana kita juga diberikan pemimpin yang adil dan bijaksana," tambahnya.

Manakala, Dayang Nur Baizura binti Jeffery dari Kampung Rimba semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan, beliau sangat teruja dengan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 berkenaan.

Terangnya, sebagai rakyat NBD, adalah sangat penting bagi beliau untuk menyaksikan sambutan yang sangat bermakna berkenaan yang mana setiap peserta yang hadir bekerja keras untuk menyempurnakan perbarisan dan persembahan semasa upacara sambutan.

Beliau berserta dengan dua rakannya yang hadir seterusnya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-40 Tahun kepada semua rakyat dan penduduk di NBD.

Sementara itu, Pelita Brunei juga turut berkesempatan untuk menemu bual Awang Mohamad Asyramisyanie bin Kamis yang merupakan Pemangku Ketua Kampung Kulapis.

Awang Mohamad Asyramisyanie semasa ditemu bual melahirkan rasa terujanya dan bangga sebagai anak Brunei untuk melihat NBD terus merdeka serta berdaulat di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Setiap tahun kita akan melihat kelainan demi kelainan meskipun ia dibuat sama ada di Bandar Seri Begawan atau di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Suasana dan semarak Hari Kebangsaan tidak akan dapat dipisahkan dengan rasa gembira dan keriangan di wajah semua penduduk negara ini.

"Serta semangat patriotisme ini adalah bukti bahawa Hari Kebangsaan adalah acara yang dinanti-nantikan dan amat ditunggu rakyat negara ini," terangnya.

Beliau seterusnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas keberangkatan baginda menyerikan majlis dan menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Brunei ke atas Hari Kebangsaan Ke-40.





**AWANG Muhammad Adib bin Azarin (kanan) manakala gambar kiri, Dayang Nur Baizura binti Jeffery semasa ditemu bual.**

PELITA BRUNEI

# BERMUNAJAT SEMARAKKAN MALAM NISFU SYAABAN







**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah pada Majlis Malam Munajat bersempena Nisfu Syaaban (kanan). Manakala gambar kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan di Masjid Hassanal Bolkiah, RPN Kampung Mentiri.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**MENTIRI**, Sabtu, 24 Februari. - Dengan bertepatan malam Nisfu Syaaban yang jatuh pada 15 Syaaban 1445 Hijrah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Malam Munajat Kali Ke-126 bersempena Nisfu Syaaban.

Majlis dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri dengan tumpuan utama di Masjid Hassanal Bolkiah, RPN Kampung Mentiri.

Nisfu adalah perkataan Arab yang membawakan maksud 'pertengahan'. Malam Nisfu Syaaban merupakan salah satu yang terdapat pada Nisfu Syaaban, di mana umat Islam adalah digalakkan untuk menghidupkannya dengan memperbanyakkan amal ibadah dan zikir untuk mendapatkan rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis Malam Munajat bersempena Nisfu Syaaban diadakan secara fizikal yang dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali dengan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadat kepada-Nya, memohon agar dijauhkan daripada bala bencana serta memohon agar dimurahkan rezeki yang halal lagi berkah.

Bacaan Surah Yaa Siin pertama dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Irma Mohammad Hazmie bin Haji Matussin.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin kedua dipimpin oleh siswa Tahun 3, ITQSHHB, Awang Muhammad Azib bin Muhammad Azim. Disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin ketiga dipimpin oleh pelajar menengah Tahun 11, ITQSHHB, Awang Ahmad Darwish bin Hamdan.

Seterusnya, Doa Munajat dan Nisfu Syaaban dibacakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Mohd. Sallehin bin Pengiran Haji Tejuddin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai kanan KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Penyertaan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Hassanal Bolkiah, RPN Kampung Mentiri dan dari masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara juga telah menyemarakkan Majlis Malam Munajat bersempena dengan Malam Nisfu Syaaban. Di samping menghadiri secara fizikal, orang ramai juga mengikuti secara maya dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau *http://www.facebook.com/pdi.kheu*.

# Istiadat Pembukaan Rasmi MMN, 27 Februari

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 Februari. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan berlangsung pada Selasa, 17 Syaaban 1445 Hijrah bersamaan dengan 27 Februari 2024 Masihi bertempat di Bangunan Dewan Majlis.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Persidangan Majlis Mesyuarat tahun ini akan membincangkan dan meluluskan perkara utama iaitu Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024 / 2025, melalui tiga peringkat sebelum ia dapat diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2024.

MMN merupakan satu ciri dan tradisi penting dalam sistem pemerintahan beraja, yang dipegang teguh selama lebih dari satu abad. Berpangkal daripada perbincangan konsultatif yang diadakan dalam suasana harmoni, bersatu padu, dan saling hormat-menghormati, MMN dengan tegas mematuhi nilai-nilai dan prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) serta memperkukuhkan lagi hubungan antara rakyat dan kerajaan.

Ahli-ahli MMN adalah sebagai wakil kepada suara rakyat negara dan Persidangan MMN berfungsi sebagai sebuah landasan bagi wakil-wakil yang dilantik untuk menyuarakan isu-isu kebangsaan melalui perbincangan yang strategik serta menyumbangkan idea-idea kepada memperkukuhkan dasar-dasar kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Ahli-ahli MMN seramai 34 orang terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-orang Bergelar, Orang-orang yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil yang Dilantik dari keempat-empat buah daerah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Matlamat utama MMN adalah bagi mewujudkan kemakmuran, kemajuan, keamanan dan keselamatan untuk mengekalkan NBD sebagai sebuah kerajaan berperlembagaan yang adil, berdaulat, aman, makmur dan penuh kebahagiaan, kekal kukuh dan utuh di bawah bimbingan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Para jemputan khas dan jemputan-jemputan ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN adalah dinasihati untuk melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum menghadiri istiadat, memuat naik keputusan ART ke dalam aplikasi BruHealth dan menunjukkannya kepada Ahli Jawatankuasa Jemputan yang bertugas. Para jemputan yang mempunyai gejala-gejala seperti demam, batuk, selesema dan masalah pernafasan adalah dinasihatkan tidak hadir ke istiadat tersebut.

Sesi Persidangan MMN akan diadakan sehari selepas Istiadat Pembukaan Rasmi atau pada hari dan waktu yang ditetapkan oleh Yang Di-Pertua MMN. Sesi Persidangan MMN ini dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk melihat dan mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Ia juga boleh dihadiri oleh mana-mana institusi pendidikan yang berminat untuk memberikan pendedahan kepada penuntut-penuntut atau mahasiswa / mahasiswi mengenai tatacara membincangkan sesebuah rang undang-undang di NBD.

Sehubungan dengan ini, orang ramai yang berminat menghadiri Sesi Persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan.

Bagi orang ramai yang memerlukan perkhidmatan peralihan bahasa (*translation services*) bolehlah memohonkan kepada Urusetia MMN Ke-20 iaitu 24 jam sebelum ia diperlukan.

Rakaman persidangan harian juga boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana dan RTB Sukmaindera pada pukul 9.00 malam bagi rakaman sesi pagi dan diikuti lagi pada pukul 11.00 malam bagi rakaman sesi petang. Laporan harian juga boleh diakses melalui laman sesawang rasmi MMN iaitu *www.majlis-mesyuarat.gov.bn* dan *www.councils.gov.bn*.

## HASRAT NEGARA

## Perpaduan, semangat patriotisme tunjang ketahanan, keutuhan negara

**>> Muka 2**

Di arena antarabangsa pula, pada tahun ini adalah merupakan ulang tahun Ke-40 penubuhan hubungan diplomatik di antara NBD dengan 37 buah negara luar, ini termasuk keahlian negara di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, khasnya ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Komanwel, di mana dengan jalinan hubungan diplomatik itu telah mengharumkan nama serta sekali gus profil NBD di mata dunia.

Untuk akhirnya, beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan sambutan kali ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, para sukarelawan dan belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

# Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Arwah Sekampung

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah Sekampung diselajurkan dengan Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Kampung Kilanas (kanan, bawah kiri dan bawah kanan).**



**KILANAS**, Ahad, 25 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Kilanas mengelolakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah Sekampung diselajurkan dengan Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Kampung Kilanas yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penaung 1, AJKT Masjid Kampung Kilanas.

Acara yang bermula selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah berkenaan, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis.

Diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, dan Doa Arwah Sekampung yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki selaku Ketua Imam dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Pada majlis berkenaan, seramai 11 anak yatim menerima derma berupa wang tunai hasil daripada Tabung Derma Khas Anak-anak Yatim bagi Kampung Kilanas yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Kilanas, Awang Muhd. Fahmie bin Haji Awang Metussin.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti tahunan Ahli Jawatankuasa Kerja Takmir Masjid (Pandu). Mereka sepakat dan bersetuju mengadakannya kira-kira dua minggu sebelum umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan menyambut bulan Ramadan 1445 Hijrah Al-Mubarak.

Tujuan utama Majlis Doa Arwah Sekampung berkenaan diadakan adalah untuk menjalankan aktiviti tahunan seperti lazimnya tiap-tiap bulan Syaaban menjelma dengan umat Islam mengerjakan amalan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah untuk memperingati saudara-saudara yang telah kembali ke rahmatullah bagi mendoakan kesejahteraan mereka.

Di samping itu juga, amalan bersedekah memainkan peranan yang penting bagi membantu anak-anak yatim dalam menempuhi ibadah puasa pada bulan Ramadan yang tidak lama lagi tiba.

Antara yang hadir pada majlis berkebajikan berkenaan ialah Penaung-penaung dan Penasihat-penasihat serta AJKT Masjid Kampung Kilanas dan para jemputan khas, Penghulu Mukim Kilanas dan Ketua-ketua Kampung dalam Mukim Kilanas, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Kilanas, anak-anak yatim berserta para penjaga mereka serta jemaah masjid dan para penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**





# PLATFORM MEMPROMOSIKAN PENGUSAHA SATE TEMPATAN



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan acara Pesta Satay Pekan Tutong dan seterusnya beramah mesra bersama dengan pengusaha-pengusaha sate yang ikut serta (kiri dan kanan).**



**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumim**

**TUTONG**, Sabtu, 24 Februari. - Seramai 11 pengusaha sate berjaya dikumpulkan dalam acara Pesta Satay Pekan Tutong yang diadakan di Gerai Selera Tutong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan acara Pesta Satay tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Acara yang julung-julung kali diadakan ini merupakan salah satu inisiatif awal Jabatan Bandaran Tutong bagi menghidupkan suasana waktu malam di Pekan Tutong khususnya di Gerai Selera Tutong yang berpotensi sebagai salah satu tempat tumpuan di Daerah Tutong untuk menjamu selera bersama keluarga.

Pesta ini juga adalah sebagai platform untuk mempromosi pengusaha-pengusaha sate di negara ini di samping dapat mewujudkan suasana iklim perniagaan yang lebih menarik di Gerai Selera Tutong dan sekitarnya.

Acara berkenaan juga diselajurkan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada pengusaha-pengusaha sate yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Di penghujung acara, tetamu kehormat majlis juga berpeluang untuk beramah mesra bersama dengan pengusaha-pengusaha sate yang ikut serta.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong serta penghulu-penghulu mukim Daerah Tutong.

Penganjuran Pesta Satay Pekan Tutong tersebut dikendalikan bersama oleh Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong (BKKT).

PELITA BRUNEI

# ...Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...

## Daerah Brunei dan Muara





**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan upacara tersebut (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah, suasana penurunan bendera besar dilaksanakan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah dinaikkan pada 16 Februari 2024, hari ini diturunkan semasa Upacara Menurunkan Bendera Besar NBD.

Upacara ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024.

Upacara ini diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan upacara tersebut ialah Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD, Tahun 2024.

Upacara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD, yang dibacakan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Zulkfli bin Haji Murat.

Seterusnya penurunan bendera besar dilaksanakan oleh Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan pasukan Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Penyelamat serta Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), yang bergerak masuk dengan iringan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Upacara menurunkan bendera kebangsaan dilangsungkan dengan penuh semangat patriotisme yang diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Bendera besar yang selesai diturunkan kemudian diserahkan kepada tetamu kehormat majlis bagi menandakan berakhirnya pengibaran bendera kebangsaan di seluruh negara secara rasmi.

Majlis ini juga diserikan dengan kibaran bendera kecil dari penuntut Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Turut hadir ke upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD, Tahun 2024 serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja lain.



## Daerah Tutong

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong**





**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menerima penyerahan bendera NBD (kiri). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**TUTONG,** Ahad, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 bagi Daerah Tutong diadakan di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang diketuai oleh Ketua Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang.

Ini diikuti dengan Upacara Menurunkan Bendera NBD oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan seterusnya penyerahan bendera NBD kepada tetamu kehormat majlis.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

# ...Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TEMBURONG,** Ahad, 25 Februari. - Kawasan Lapang Dermaga Pekan Bangar menjadi tumpuan bagi Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 bagi Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, juga selaku Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-piasau; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili selaku Pengerusi Majlis; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan; Pemangku Penghulu-penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung; Pemangku Ketua-ketua Kampung; dan jemputan khas.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid Kampung Labu Estate, Awang Haji Mohammad Sallehuddin bin Haji Suhaimi dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan NBD.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan Upacara Menurunkan Bendera NBD dan penyerahan bendera berkenaan kepada tetamu kehormat majlis.

Upacara Menurunkan Bendera NBD berkenaan menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah kediaman rakyat dan penduduk di negara ini bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.

## Daerah Temburong







**PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed hadir selaku tetamu kehormat bagi Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 bagi Daerah Temburong dan seterusnya menerima penyerahan Bendera NBD (atas kanan). Manakala gambar atas dan kanan, suasana sekitar upacara berkenaan.**

## Daerah Belait

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**KUALA BELAIT,** Ahad, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 berlangsung petang tadi di kawasan Menara Cendera Kenangan, di sini.

Bendera besar yang berkibar di kawasan tersebut diturunkan bagi menandakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke 40 Tahun telah berakhir.

Hadir menyaksikan upacara penurunan bendera tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, wakil-wakil dari pihak swasta dan wakil dari persatuan-persatuan.

Upacara dimulakan dengan pasukan Pengibar Bendera NBD bergerak masuk yang terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang akan menurunkan bendera.

Selepas menyanyikan lagu kebangsaan, bendera diturunkan oleh Pasukan Pengibar Bendera dan diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait untuk disimpan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait, Awang Mohd. Nor Islam bin Md Suria.

Dengan adanya majlis tersebut, ia menandakan bahawa atur cara sempena Hari Kebangsaan NBD berakhir.

Orang ramai juga hendaklah menurunkan bendera mereka mulai dari hari ini dan hendaklah melipatnya dengan kemas serta menyimpannya di tempat yang bersesuaian.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menerima bendera (kanan). Manakala gambar bawah, Bendera Besar NBD yang berkibar diturunkan bagi menandakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 telah berakhir.**



PELITA BRUNEI

# MASJID KAMPUNG PUTAT ADAKAN MAJLIS TAHLIL, DOA ARWAH SEKAMPUNG

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Majlis Perundingan Kampung Putat dengan kerjasama Takmir Masjid Kampung Putat pagi tadi mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung Kali Ke-31, Tahun 1445H / 2024M yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Putat, Awang Afendi bin Haji Taha, dan diikuti dengan ucapan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohammad selaku Ketua Kampung Putat.

Yang Berhormat Awang Zainol dalam ucapannya selaku Pengerusi Bersama Majlis menjelaskan pada tahun ini wang kutipan yang berjaya dikumpulkan ialah sebanyak BND5,460 berbanding dengan jumlah pada tahun lepas iaitu BND4,859.

"Ia meningkat sebanyak BND601 daripada 70 penyertaan keluarga, kutipan ini digunakan untuk segala perbelanjaan bagi menyempurnakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah sekampung, diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim serta keperluan barang asasi mereka.

"Mengimbau kembali Majlis Tahlil dan Doa Arwah sekampung yang pertama kali diadakan adalah pada tahun 1993, iaitu kira-kira 30 tahun lepas. Majlis tersebut berlangsung sempena penubuhan Jawatankuasa Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung yang dipengerusikan bersama oleh ketua kampung pada masa itu, bersama-sama dengan Imam Masjid Kampung Putat.

"Majlis tersebut kemudian disambung pada tahun-tahun berikutnya dan disambut baik sehingga hari ini," jelas Yang Berhormat.

Konsep yang dibuat pada tahun 1994 berkenaan adalah secara bergotong-royong bagi menyediakan segala keperluan seperti mengumpulkan bahan masakan, memasak dan menghidang dilakukan oleh semua lapisan penduduk kampung, tambah Yang Berhormat lagi.

Sebelum Majlis Tahlil dan Doa Arwah sekampung ini diperkenalkan, Yang Berhormat menjelaskan, kebanyakan penduduk kampung secara lazimnya membuat acara sedemikian secara persendirian dari rumah ke rumah dan dilakukan hampir setiap minggu.

"Walaupun kita sudah berganjak pada era kemodenan, konsep bergotong-royong tidak dilupakan meskipun penyediaan makanan pada masa sekarang menggunakan perkhidmatan katering, namun insyaAllah kesesuaian 'Calak Brunei' akan masih dikekalkan.

"Alhamdulillah, kebudayaan dan sifat Kebruneian itu masih lagi ada dalam diri kitani yang dapat dilihat dalam sama-sama menjayakan majlis ini, ia setentunya menjadi kebanggaan selaku penduduk kampung dan sebagai rakyat Brunei," ujar Yang Berhormat lagi.

Acara kemudiannya diselajurkan dengan penyampaian Sumbangan Derma Anak Yatim, Sijil Akuan Tamat Kelas Al-Quran dan Muqaddam Tahun 2023M dan Sijil Bengkel Pengurusan Jenazah bagi Muslimah Masjid yang disempurnakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Putat, manakala Doa Selamat pula dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Sh'minan bin Haji Sulaiman.





**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung Kali Ke-31, Tahun 1445H / 2024M (kanan). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



# Hayati kelebihan bulan Syaaban

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran bersempena Nisfu Syaaban dihasrat akan dapat memberi galakan kepada para mualaf untuk membiasakan diri membaca Al-Quran walau hanya sepotong ayat secara rutin.

Semoga dengannya akan menanam rasa cinta kepada ayat-ayat suci Al-Quran, sekali gus dapat memupuk rasa kehambaan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang mendalam untuk menjadi mukmin sejati.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran bersempena Nisfu Syaaban itu dikendalikan oleh Persatuan Nurul Islam, Daerah Brunei dan Muara bersama Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI) malam tadi bertempat di Musholla Al-Ameen, PDI.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Perkembangan Ugama selaku Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop.

Antara pengisian acara ialah Khatam Al-Quran daripada Ahli-ahli Persatuan Nurul Islam, Sembahyang Maghrib Berjemaah, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban dan Sembahyang Isyak Berjemaah.

Acara turut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Kelebihan Bulan Sya'ban dan Persediaan menjelang Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama I-Ready, PDI, Awang Ahmad Naufal Azizi bin Mohammad Norisham.

Menurutnya, seperti mana dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Mu'adz bin Jabal, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkata, "Allah Tabaraka Wata'ala melihat kepada makhluk-Nya pada malam Nisfu Syaaban, lalu Allah mengampuni seluruh makhluk-Nya kecuali orang musyrik dan orang yang bermusuhan".

Ulama mengatakan jelasnya, semua Muslim diampuni Allah pada malam tersebut walaupun mereka tidak meminta ampunan kecuali empat kelompok, iaitu orang yang memutuskan silaturahim; durhaka kepada orang tuanya; minum minuman keras dan membenci manusia apatah lagi ulama yang dibencinya.

"Sedang orang yang tidak masalah pun diampuni Allah walaupun diorang inda meminta pun diampuni.

"Malam ini adalah merupakan malam yg mulia setelah malam Lailatulqadar juga disebut sebagai malam penentuan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Di kesempatan pada malam ini katanya, perbanyakanlah selawat, membaca Al-Quran, bersedekah, sembahyang sunat yang diajarkan oleh baginda Rasulullah seperti Sembahyang Sunat Tahajud, Tasbih, Hajat dan sebagainya.

Tambahnya, kelebihan pada malam Nisfu Syaaban barang siapa yang menghidupkan dengan beribadah pada malam ini akan tercatat baginya orang-orang yang mendapat keampunan, keredaan Allah di dunia dan di akhirat.

Majlis Khatam Al-Quran bersempena Nisfu Syaaban adalah juga diharap akan dapat memberi galakan kepada para mualaf untuk menghayati dan menyedari kelebihan bulan Syaaban yang memberi keberkesanan dalam kehidupan seharian mereka.

Turut hadir ialah ahli-ahli Persatuan Nurul Islam, pelajar-pelajar Kelas Bimbingan Muallaf serta para pegawai dan kakitangan PDI.



**PEGAWAI Perkembangan Ugama selaku Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Nisfu Syaaban (atas kiri). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

# ACARA MENYERTU BANGUNAN TAMBAHAN MASJID KAMPUNG SUNGAI BULOH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama






**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Projek tambahan bangunan Masjid Kampung Sungai Buloh pada masa ini sedang dalam perlaksanaan dan hampir siap pembinaannya.

Projek berkenaan telah bermula pada 23 Mei 2022.

Sehubungan dengan itu, acara menyertu bagi bangunan tambahan masjid berkenaan diadakan pada Khamis, 22 Februari 2024.

Hadir sama pada acara berkenaan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir bagi sama-sama menyertu bangunan tambahan masjid berkenaan ialah Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, KHEU, Awang Haji Azmi bin Haji Tahir; para pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Kerja Raya dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh.

Kapasiti bangunan tambahan Masjid Kampung Sungai Buloh berkenaan boleh menampung seramai lebih kurang 400 jemaah.

Antara lain kemudahan yang turut dibina adalah tempat penyempurnaan jenazah dan kemudahan bagi Orang Berkeperluan Khas.

Kos pembinaan tambahan bangunan masjid berkenaan berjumlah BND870,286.70 daripada peruntukan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya bangunan tambahan masjid berkenaan, dapatlah menampung keramaian jemaah bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat dan Sembahyang Sunat Hari Raya serta kegiatan takmir masjid.

Masjid berkenaan mula digunakan semula pada subuh Jumaat, 23 Februari 2024 setelah ditutup sementara selama dua bulan bermula 23 Disember 2023 bagi perlaksanaan kerja-kerja yang melibatkan bangunan asal masjid berkenaan.



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Kerja Raya dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh pada acara menyertu bagi bangunan tambahan Masjid Kampung Sungai Buloh (atas kiri, atas kanan dan kanan).**

# Pamer kecintaan, semangat patriotisme kepada negara

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B'**

**JERUDONG,** Ahad, 25 Februari. - Tarikh 23 Februari setiap tahun akan sentiasa dikenang dan diingati oleh setiap rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada tarikh berkenaan merupakan tarikh di mana NBD meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) yang merupakan hari yang sangat agung dan istimewa bagi sesebuah negara.

Sejak mencapai kemerdekaan pada 1984, NBD kini menganjak 40 tahun usia kemerdekaannya dan dalam tempoh berkenaan negara terus berkembang maju selaras dengan peredaran semasa.

Dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024, rakyat dan penduduk di negara ini tidak ketinggalan mempamerkan semangat patriotisme serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda dalam mendukung Wawasan Brunei 2035 dengan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Beberapa ahli dari Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B' mengongsikan harapan masing-masing terhadap perkembangan negara.

Menurut Dayang Sisah binti Haji Abdul Raham, beliau menzahirkan rasa syukur kerana pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam banyak memberi kemudahan untuk memperkembangkan kemajuan negara yang telah mencapai kemerdekaan ke-40 tahun.

Sebagai rakyat tambahnya, kami akan terus menyokong dengan penuh semangat patriotisme dan berdoa agar NBD akan sentiasa aman makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala, Dayang Ainon binti Haji Ompak pula merafakkan doa agar tanah air tercinta, NBD akan terus maju jaya, aman damai di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara itu, harapan yang sama juga dizahirkan oleh Dayang Kelias binti Haji Tujoh yang berharap agar NBD akan sentiasa aman dan makmur, mempunyai ekonomi yang mampan, rakyat yang intelek, berakhlak mulia, bertanggungjawab serta tidak *camah* mata serta mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Beliau juga turut berdoa semoga rakyat dan negara ini akan sentiasa dalam terpelihara di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Oleh itu, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 ini marilah kita semua rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini saling berganding bahu dan memperkukuh semangat cintakan negara dalam diri masing-masing dan seterusnya sama-sama berusaha membangun negara yang kita cintai ini.




**BEBERAPA ahli dari Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B' semasa bergambar ramai.**

# MENDUKUNG INISIATIF PENGURANGAN SISA PLASTIK

Siaran Akhbar dan Foto : Green Brunei




**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Green Brunei, dengan sokongan daripada Brunei Shell Petroleum telah berjaya menganjurkan Kempen Hari Kebangsaan Bebas Botol Plastik Ke-5 sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-40 pada 24 Februari yang lalu.

Melalui inisiatif berkenaan, Green Brunei menyediakan empat stesen *dispenser* air di sepanjang laluan perbarisan menuju ke Stadium Negara Hassanal Bolkiah, yang disediakan secara percuma bagi kegunaan orang ramai.

Kempen ini merupakan satu kejayaan besar dengan 1,487 buah cawan diedarkan, dan juga menggunakan botol boleh guna semula yang dibawa oleh orang ramai.

Inisiatif ini dapat membantu dalam mengurangkan penggunaan botol plastik semasa Sambutan Hari Kebangsaan.

Kempen turut menyokong 'Inisiatif Bebas Botol Plastik' pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan, yang diperkenalkan pada Jun 2018 dan juga 'Protokol Hijau' yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan pada 30 Januari 2021.

Matlamat utama kempen ini adalah untuk menggalakkan penggunaan alternatif, amalan mampan bagi mengurangkan sisa plastik, di mana ia akan menggalakkan komuniti yang lebih hijau dan lebih mampan.

Green Brunei berharap agar kejayaan kempen ini akan memberi inspirasi kepada lebih ramai orang untuk melibatkan diri dalam inisiatif yang serupa untuk membantu mengurangkan sisa plastik di negara ini.



**GREEN Brunei dengan sokongan daripada Brunei Shell Petroleum telah berjaya menganjurkan Kempen Hari Kebangsaan Bebas Botol Plastik Ke-5 sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-40 (atas dan kanan).**

# Imbangan perdagangan Disember 2023 catat BND915.7 juta

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik










**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Imbangan perdagangan bagi Disember 2023 mencatatkan lebihan sebanyak BND915.7 juta.

Jumlah perdagangan pada Disember 2023 mencatatkan sebanyak BND2,130.7 juta, berbanding BND2,292.3 juta pada November 2023.

Ini adalah disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak BND1,523.2 juta dan nilai import sebanyak BND607.5 juta.

Eksport pada Disember 2023 bernilai BND1,523.2 juta, dengan bahan api galian merupakan penyumbang utama eksport Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu sebanyak 81.9 peratus; diikuti oleh bahan kimia (17.1 peratus); dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (0.5 peratus).

Pasaran eksport utama pada Disember 2023 adalah Australia (26.1 peratus), diikuti oleh Republik Rakyat China (16.1 peratus) dan Singapura (14.0 peratus).

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara berkenaan adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, import pada Disember 2023 bernilai BND607.5 juta.

Lima komoditi import utama adalah bahan api galian (59.0 peratus), diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan (12.2 peratus), makanan (9.1 peratus), barang-barang keluaran kilang (7.0 peratus), dan bahan-bahan kimia (6.3 peratus).

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia (47.3 peratus), diikuti Republik Rakyat China (14.2 peratus) dan Australia (12.9 peratus), dengan bahan api galian sebagai komoditi import terbesar.

Sebanyak 60.3 peratus import adalah digunakan sebagai barangan perantaraan bagi pemprosesan, diikuti oleh barangan modal (35.4 peratus) bagi operasi perniagaan dan barangan penggunaan (4.3 peratus) bagi kegunaan isi rumah.

Sebanyak 95.6 peratus jumlah perdagangan dihantar melalui pengangkutan laut, dengan 3.1 peratus oleh pengangkutan udara dan 1.3 peratus melalui darat.

Bagi keseluruhan 2023, nilai jumlah perdagangan adalah sebanyak BND25,149.3 juta, berbanding BND32,287.9 juta pada 2022.

Sementara itu, imbangan perdagangan bagi 2023 pula adalah sebanyak BND5,044.9 juta berbanding BND6,959.3 juta pada 2022.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi Disember 2023 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di *https://deps.mofe.gov.bn*.



## سروان سوچي

# برساتو منجاڤاي جيتا نڬارا

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كايمانن كڤدن. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ستله أمڤت ديكد دري تاريخ برسجاره ١ جانواري ١٩٨٤، كيت برشكور ماسيه دكرنياكن اوليه الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن منعمتي كلڠسوڠن هيدوڤ يڠ امان دان دامي. سباڬي إيمبسن، كأونيكن يڠ اكن ككل منجادي سجاره دان ريستأن دسڤنجڠ زمان اياله دتيق ڤمشهورن كمرديكأن دڠن مڠومندڠكن كلمة "**الله أكبر**".

تاريخ كمرديكأن ايت منجادي لبيه برمعنى اڤبيل ددالم ڤمشهورن ايت دتكسكن بهاوا نڬارا بروني دارالسلام اكن تروس ككل اونتوق سلاما-لاماڽ منجادي سبواه نڬارا ملايو إسلام براج. اين جلس منونجوقكن بهاوا نڬارا بروني دارالسلام ساڠت ممبري ڤرهاتين كڤد كڤنتيڠن أكام إسلام دان كهيدوڤن برأكام دكالڠن رعيت دان ڤندودوق دنڬارا اين.

سباڬيمان يڠ كيت معلوم، تيما سمبوتن هاري كبڠسأن ڤد تاهون اين اياله "**برساتو منجاڤاي جيتا نڬارا**". تيما اين ممبريكن ڤنداڠن مپلوروه تنتڠ سماڠت كبڠسأن، كمرديكأن، دان أسڤيرسي ڤمب اڠونن نڬارا. ڤنجڤاين دان ڤركمبڠن سلاما برتاهون-تاهون سبلومڽ منجيڤتاكن لندسن اونتوق هارڤن دان كوميتمن ماس هادڤن. نيلاي دان عمالن اورڠ بروني يڠ دواريسي إن شاء الله اكن منجامين كلڠسوڠن هيدوڤ براج، برنڬارا دان برمشاركت منوجو "**بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ**" (نڬارا يڠ امان معمور دان توهن مها ڤڠامڤون). اورڠ بروني برساتو ڤادو مڠهادڤي برباڬي جابرن سڤنجڠ سجاره، منجرمينكن سماڠت PATRIOTISME، كتاهانن، دان تيكد اونتوق منجاڬ كدولتن، كامانن، كسجهترأن دان كاوتوهن نڬارا سرت بڠسا.

تيما اين مڠايڠتكن بتاڤ ڤنتيڠڽ كرجاسام دڠن ڤندكتن سلوروه نڬارا (WHOLE OF NATION APPROACH) اونتوق كماجوان نڬارا دان كسلامتن دنيا دان أخيرة. إن شاء الله، كمرديكأن دان كدولتن نڬارا ملايو اسلام براجا اكن سنتياس ترڤليهارا.

الحمدلله، نڬارا بروني دارالسلام دباوه كڤيمڤينن بيجقسان كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة، سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام تله مماينكن ڤرانن يڠ ڤنتيڠ دان برتروسن دالم مميليهارا كسوچين أكام إسلام دنڬارا اين. كسدرن هيدوڤ برأكام اكن تروس دڤوڤوق دان ستياڤ رعيت سرت ڤندودوق دنڬارا اين اكن دبري كفهمن تنتڠ إسلام دري سڬي عقيده دان شريعهڽ. مشاركت إسلام دنڬارا اين اكن تروس دڤليهارا ترأوتما دالم ممبينتيڠي مريك دري سبارڠ ڤڠاروه يڠ ملالايكن دان مروسقكن عقيدة.

كأره اين برباڬي لڠكه تله ڤون دبوات، انتاراڽ اياله أسڤيرسي اونتوق منجاديكن نڬارا اين سباڬي سبواه نڬارا ذِكر. كسدرن ترهادڤ ڤنتيڠڽ إيڠتن دان ايكتن كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ سرت دتمبه دڠن اداڽ سيكڤ ڤوسيتيف يڠ مڠايڠينكن كامانن، كسلامتن دان كهرمونين برمشاركت اكن ممبنتو كأره منجاڤي جيتا-جيتا نڬارا دان بڠسا دڠن ڤتونجوق الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ.

كيت إيمبس كمبالي دتيق ڤريستيوا يڠ أمت برسجاره باڬي نڬارا كيت اين. مالم منجلڠ تڠكل ١ جانواري ١٩٨٤، بركومنداڠله ذِكر-ذِكر يڠ ددهولوكن دڠن باچأن بسمله، تحميد، حمدله، صلوات دان سلام سرت سمبهيڠ فرض مغرب دان عشاء برجماعه، دإيكوتي دڠن باچأن سورة يس سرت دعاء كمرديكأن دمسجد-مسجد سلوروه نڬارا.

مانكلا دتيق تڠه مالم برلڠسوڠله ڤمشهورن كمرديكأن اوليه كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام سرت لاوڠن تكبير الله أكبر سبايق تيك كالي يڠ دلاوڠكن اوليه المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، دإيكوتي ڤول اوليه لاوڠن سلوروه رعيت مموجي كبسرن إلهي. دڠن بركومنداڠڽ لاوڠن تكبير يڠ منجادي سيمبول كمناڠن أومت إسلام ترسبوت مك لاهيرله نڬارا بروني دارالسلام دڠن نعمت كمرديكأن يڠ بنر-بنر داڤت دراسكن اوليه سلوروه رعيت دان ڤندودوق نڬارا هيڠڬ كهاري اين.

الحمدلله، نڬارا كيت لاهير دالم منمڤا كمرديكأن تله دإيريڠي دڠن لاوڠن تكبير مموجي كبسرن الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دأتس ليمڤه دان رحمتڽ سرت موهون كبركتن دان ڤتونجوق دالم منراجوي ڤنتدبيرن نڬارا. اڤ يڠ كيت هارڤكن سموڬ نڬارا كيت ممڤو برسايڠ دڠن نڬارا لاين دالم أسڤيك كماجوان دان ڤمباڠونن، ممڤو مڠهادڤي جابرن أروس كلومبڠ كلوباليساسي يڠ سماكين منجابر دڠن ممڤرتيڠكتكن لاڬي نيلاي-نيلاي اجارن إسلام دالم كهيدوڤن دان ڤنتدبيرن سرت مڠكلكن كهرمونين يڠ سدڠ كيت سموا كچاڤي سكارڠ اين.

لاهيرڽ كمرديكأن نڬارا كيت دڠن ذِكر ملامبڠكن سبواه نڬارا يڠ برإيميجكن نڬارا يڠ منجولڠ إسلام. ذِكر يڠ برأونسور ڤوجي-ڤوجين دان راس كتقوأن دالم سنتياس مڠايڠتي سڬل ڤرينته الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، مك نعمت كرحمتن سرت كبركتنله يڠ اكن سنتياس مڠايريڠي دان مليندوڠي نڬارا يڠ كيت چينتاٴي اين. اين برداسركن فرمان الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دالم سورة البقرة أية ١٥٢:

**"مك إيڠتله كامو كڤد كو (دڠن ملاكوكن سمبهيڠ، برذِكر دان لاين-لاين ڤربواتن طاعة) نسچاي اكو اكن مڠايڠتي كامو. دان برشكورله كڤد كو (دڠن طاعة مڠرجاكن سوروهنكو) دان جاڠنله كامو مڠايڠكاريكو (دڠن بربوات درهكا دان معصية)."**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سباڬي سبواه نڬارا "**ملايو إسلام براج**" بوكان هاڽ ترمكتوب دالم ڤرلمباڬأن سمات-مات، تتاڤي هندقله دأڤليكسيكن دالم كهيدوڤن برنڬارا دان برمشاركت. مك ساله ساتو چارا مڠأڤليكسيكن إسلام ايت اياله دڠن عمالن برذِكر مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. لاوڠن ذِكر يڠ بركمبا ڤد هاري كمرديكأن هندقله تروس دعمالكن ڤد هاري-هاري منداتڠ دان دفاهمت دالم اڤ جوا بنتوق ڤراچڠن دان تيندقن.

ذِكر بوليه منجان شخصيه اتوڤون ڤريبادي سسأورڠ، اورڠ يڠ سنتياس مڠعمالكن ذِكر اكن ترهيندر درڤد صفة لالاي درڤد مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. ذِكر عبارت بهترا ڤيلامت باڬي سسأورڠ درڤد تروس هايوت دالم أروس كهنچورن عقيبة عناصير-عناصير لوار. هاتي اورڠ يڠ برذِكر اكن براس تنڠ تنڤا دتيمڤا كتكڠن جيوا دان كملوت باطين يڠ موده دساراڠي دڠن ڤياكيت-ڤياكيت هاتي، سباڬيمان فرمان الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دالم سورة الرعد أية ٢٨:

**"(يإيت) اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان دان هاتي مريك تنترام دڠن ذِكرُ الله (مڠايڠت الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ)". كتهويله دڠن ذِكرُ الله ايت هاتي منجادي تنترام.**

مانكلا ڤنراڤن ذِكر ملالوي عبادة سمبهيڠ مروڤاكن چارا يڠ ڤاليڠ سمڤورنا اونتوق مڠايڠتي الله دان اكن منچڬه سسأورڠ درڤد بربوات كجاهتن دان معصية. اين برتڤتن دڠن فرمان الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دالم سورة العنكبوت أية ٤٥:

**باچله (واهي نبي محمد) اڤ يڠ دوحيكن كڤد مو درڤد القرآن دان ديريكنله سمبهيڠ، سسوڠڬوهڽ سمبهيڠ ايت منچڬه درڤد ڤربواتن كجي دان موڠكر، دان سسوڠڬوهڽ مڠايڠتي الله اداله لبيه بسر (منفعة دان كسنڽ) دان الله مڠتهوي اڤ يڠ كامو ڤربوات.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

هوبوڠن همبا دڠن الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ تيدق اكن ترڤوتوس دڠن اداڽ هاتي يڠ دكت كڤدڽ ملالوي ذِكر سباڬي ألت ڤڠهوبوڠ. رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ڤرنه برسبدا دالم سبواه حديث يڠ دروايتكن اوليه إمام بخاري درڤد أبو موسى رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، بڬندا برسبدا يڠ برمقصود: **"ڤرأومڤمأن اورڠ يڠ برذِكر كڤد الله دڠن اورڠ يڠ تيدق برذِكر كڤد الله سڤرتي اورڠ هيدوڤ دڠن اورڠ ماتي."**

ألڠكه جاوهڽ ڤربيذأن انتارا اورڠ يڠ برذِكر كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن اورڠ يڠ أڠڬن ملاكوكنڽ. ڤربيذأن ايت سمڤي كڤد ڤربيذأن انتارا اورڠ هيدوڤ دڠن اورڠ ماتي، اورڠ يڠ برذِكر اداله هيدوڤ، سدڠكن اورڠ يڠ تيدق برذِكر اداله ماتي.

جماعه يڠ درحمتي الله،

اونتوق منچاڤي كجاياأن دان كبرحاصيلن دالم منداڤتكن اڤ يڠ كيت أوسهاكن، مك جاڠنله كيت لوڤا درڤد مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن سنتياس منانمكن كايمانن دان كتقوأن دهاتي دان جيوا راك كيت دڠن عمالن ذِكر دالم ستياڤ عمل عبادة دان ڤربواتن يڠ كيت لاكوكن. كيت جوڬ هندقله سنتياس برشكور دان مڠرجاكن عمل بقتي يڠ دڤرينتهكن اوليه الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، كران دڠن دمكين الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ اكن مڠورنياكن اڤ يڠ كيت حاجتي.

ذِكر اداله سباڬي سنجات يڠ ڤاليڠ أوڠڬول كران دڠن مڠعمالكنڽ كيت اكن سنتياس دكت كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. دڠن كبركتن دان رحمة دالم سنتياس مڠايڠتين، مك اكن ترڤليهاراله نڬارا دري سبارڠ عناصير يڠ إيڠين مڠڬوكت كامانن دان كسجهترأن نڬارا.

**"دان كالاوله ڤندودوق سسبواه نڬري ايت برإيمان دان برتقوى تنتوله كامي اكن مليمڤهكن كڤد مريك بركت دري لاڠيت دان بومي تتاڤي مريك مندوستاكن (رسول-رسول كامي) لالو كامي منيمڤاكن مريك (دڠن عذاب) دسببكن اڤ يڠ مريك تله أوسهاكن. { سورة ٱلْأَعراف أية: ٩٦ }**

**بارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآنِ الْعَظِيمِ، ونَفَعنَا بِالْأَيَاتِ والذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وتَقَبَّلَ مِنَّا تلاوتَه إنَّه هُوالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ ولِسَآئِرِ الْمُسلمينَ والْمُسلماتِ وَالْمُؤمنينَ والْمُؤمناتِ فَاستَغفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ ويَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Pertahanan

**Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2024 / PERS / TA / 01
Pembelian Peralatan Muzik Bagi Unit Pancaragam ABDB

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 12 Mac 2024.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
19 Mac 2024.
12.00 Tengah Hari .

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tawaran Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Bilangan Sebut Harga:**
JDB / 01 / 2024

**Nama Sebut Harga:**
Sebut Harga Penyewaan Bas Selama 3 Tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Selasa,
19 Mac 2024,
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Makluman Perubahan Syarat Pengiklanan**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**
Pembekal-Pembekal Yang Diluluskan Sahaja

**Kategori :**
P02 sahaja

**1. Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 008 / 2024

**Tajuk:**
Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Kimia Kepada Semua Makmal Loji Rawatan Air Dan Makmal Air Tasek Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Air, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
20 Februari 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam
2.00 Petang.

---

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 127 / 2020**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Nurul Syazwani binti Asmawi (00-309457)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Januari 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Nurul Syazwani binti Asmawi**
**No. 22, Spg. 133,**
**Kg. Burung Pingai, Berakas,**
**Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**28 Julai 2020**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Februari 2024**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Januari 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah** Besar pada **29 Februari 2024, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **29 Februari 2024, jam 10.00 Pagi** di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**5 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 199 / 2022**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
**[ROC No. RC / 00004246]**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Nor Hamizah Watilin binti Hamdan**
**(01-043515)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Disember 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Nor Hamizah Watilin binti Hamdan**
**No. 2, Spg 10-25-13, Jalan Sadaman Barat, Perumahan Tanah Jambu, BU1129**
**Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**19 Oktober 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
**14 Februari 2024**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Disember 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar** pada **4 Mac 2024 jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 Mac 2024 jam 10.00 Pagi** di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**14 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 454 / 2017**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haziman bin Haji Salleh**
**(Kad Pengenalan Brunei No. 283581**
**[ARMY No. 13683 – ABDB])**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Haziman bin Haji Salleh**
**No. 8, Lorong Seri Paduka, Perpindahan Mata-Mata Gadong, And/Or No. 96, Spg. 1185-73-76, Kg. Perpindahan Bukit Beruang, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**5 Oktober 2023**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh :**
**14 Februari 2024**

**Kes No**
**BCY / CP / 423 / 2019**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Noor Hidayah Binti Durahim**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **16 November 2019** telah dibatalkan pada **13 Januari 2024.**

**Nama Penghutang :**
**Noor Hidayah Binti Durahim**

**Alamat Penghutang :**
**No. 15, Spg. 46, Kg. Sabun,**
**Jln Serasa,**
**Muara BT2128**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**14 Februari 2024**

**Muhammad Syafiq bin Awang Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 336 / 2016**

**Nama Penghutang –** Abd Ghani Bin Haji Abd Wahab (BYIC No. 00-043825) - **Alamat -** No.7, Simpang 529, Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara BC2115, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 336 Tahun 2006. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 18%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 314 / 2013**

**Nama Penghutang –** Mohammad Serudin Bin Awang Haji Ahmad (BYIC No. 00-268990) - **Alamat -** No.2, Spg. 637-54-5, STKRJ Kampung Lambak Kiri BB1114, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 314 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 18%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 263 / 2011**

**Nama Penghutang –** Tan Kah Chai @ Alan Tan (BYIC No. 30-200704) - **Alamat –** No. 668, Kampung Bunut, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 263 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 40%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 241 / 2017**

**Nama Penghutang –** Suzana Binti Haji Puasa (BYIC No. 00-0257998) - **Alamat -** No.6, Spg. 791-29-13-18-5, STKRJ Sg. Buloh, Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 241 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 62%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 16 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 120 / 2019**

**Nama Penghutang –** Sini Bin Hj Taha (BYIC No. 00-257756) - **Alamat -** No.6, Simpang 82-6-7, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 120 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 28%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Kes No.**
**BCY / CP / 192 / 2010**

**Nama Penghutang –** Norsiah Bte Abdul Latif (BYIC No. 00-128215) - **Alamat -** No. 22, Spg. 46-15, Jln. Kilugus, STKRJ Kampung Lumapas 'A', Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 192 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 47%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Kes No.**
**BCY / CP / 190 / 2013**

**Nama Penghutang –** Abdul Ghani Bin Haji Md Salleh (BYIC No. 00-112458) - **Alamat -** No. 7, Block B, Spg. 652, Barek Keriam, Tutong TB1141, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 190 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 47%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Kes No.**
**BCY / CP / 434 / 2017**

**Nama Penghutang –** Yussof Bin Haji Hassan (BYIC No. 00-1168801) - **Alamat -** No. 15, Simpang 135-23-7, Rumah Kembar SKTRJ Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 434 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 66%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 28 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
27 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**Kes No.**
**BCY / CP / 64 / 2013**

**Nama Penghutang –** Fatimah Binti Haji Suhaili (BYIC No. 00-117829) - **Alamat -** No. 1289, Kampung Sg. Kelugus, Jalan Tutong, Tutong TB2741, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 64 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 85%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 28 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
27 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga dan Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 96 / 2016**

**Nama Penghutang –** Abu Samah Bin Ahmad (BYIC No. 00-117437) - **Alamat -** No. 1, Jln. 60, Spg. 150-6, RPN Kampung Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 96 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 28 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
27 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 113 / 2011**

**Nama Penghutang –** Juliazan Bin Muhamad (Allahyarham) (BYIC No. 00-119459) - **Alamat -** No. 8, Simpang 254-4, Jalan Wasai Limuru, RPN Meragang, Jalan Bukit Kerbin, BT2728, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 113 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 42%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 28 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
27 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 465 / 2010**

**Nama Penghutang –** Ak Mohamad Ali Nor Bin Pg Mohamad – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC No. 00-285090) **Alamat -** No. 20, Spg. 82-5-34, Kampung Perpindahan Rimba, Gadong BE3319, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 465 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 465 / 2010**

**Nama Penghutang –** Ak Mohamad Ali Nor Bin Pg Mohamad – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC No. 00-285090) **Alamat -** No. 20, Spg. 82-5-34, Kampung Perpindahan Rimba, Gadong BE3319, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 465 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 10 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Dividen Terkahir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 275 / 2009**

**Nama Penghutang –** Ajijah Binti Awg Chuchu (BYIC No. 00-064785) **Alamat -** No. 351, Kampung Kelamansi Kasat, Mukim Lumapas BJ1724, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 275 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 16 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
19 Disember 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 254 / 2023**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad (formerly known as Baiduri Bank Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Karnony Binti Bungan**
**(00-294903)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Karnony Binti Bungan**
**No. 5, Spg. 1579-26-17, STKRJ Telisai, Tutong, TC1145, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**18 Oktober 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
**6 Februari 2024**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar** pada **2 April 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 April 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**6 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 8 / 2017**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Abdul Waie Azri Bin Yacob**
**(01-051446)**

**>> Muka 22**

>> Muka 21

**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Mei 2017**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Mohammad Abdul Waie Azri Bin Yacob**
**No. 6, Spg. 255-41-14,**
**Kampung Sungai Tilong,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**5 April 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**17 Februari 2024**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Mei 2017.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar** pada **27 Mei 2024, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Mei 2024, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**17 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 340 / 2017**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Isamuden Bin Jaafarudin**
**(01-045993 - Kuning)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 Januari 2024.**

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Mohammad Ismauden bin Jaafarudin**
**No. 53, Spg 127, Rumah Kembar,**
**Kampung Rimba, Gadong,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**26 Disember 2023**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh :**
**7 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 265 / 2013**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Masri Bin Matassan**
**(00-266147 - Kuning)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 Januari 2024**.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Masri Bin Matassan**
**No. 14, Jalan 12,**
**Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**16 Januari 2024**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh :**
**15 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 413 / 2018**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Boby Bin Razali**
**(01-053352 - Kuning)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 Januari 2024**.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Boby Bin Razali**
**No. 6, Simpang 1761-80,**
**Kampung Tanjung Nangka,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**21 Disember 2023**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh :**
**14 Februari 2024**

**Kes No**
**BCY / CP / 186 / 2012**

**Baiduri Finance Berhad**
**(Previously known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Marlina Binti Mardi**
**(00-270516)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 5 Julai 2012 telah dibatalkan pada **25 Januari 2024.**

**Nama Penghutang :**
**Marlina Binti Mardi**

**Alamat Penghutang :**
**No. 26, Spg. 11, Jalan Keruak,**
**RPN Kampung Panaga,**
**Kuala Belait, Seria KB4533**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**15 Februari 2024**

**Kes No**
**BCY / CP / 312 / 2011**

**Baiduri Finance Berhad**
**(Previously known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**1. Ak. Pekerma Setia Bin Pg Hj Md Hassan**
**(00-267994)**
**2. Pg Hj Mohd Hassan Bin Pg Hj Zainal (00-003375)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada Jd1. 26 November 2011, Jd2. 12 November 2011 telah dibatalkan pada **27 Januari 2024.**

**Nama Penghutang :**
**1. Ak Pekerma Setia Bin Pg Hj Md Hassan (00-267994)**
**2. Pg Hj Mohd Hassan Bin Pg Hj Zainal (00-003375)**

**Alamat Penghutang :**
**Jd1. No. 12, Jalan 17, Spg. 38-6,**
**Kampung Perpindahan Lambak Kanan, BC2315**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**7 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 194 / 2000**

**United Overseas Bank Limited**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**1. Neutron Trading Co.**
**2. Foo Chee Heong**
**3. Choeng Poh Suan (Deceased)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan Perintah Penerimaan**
**Dan**
**Notis Pelepasan Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Bahawa **Perintah Penerimaan** dan **Perintah Penghukuman** yang di buat terhadap Penghutang telah **dibatalkan** dan **dilepaskan** pada 25 Januari 2024.

**Nama Penghutang :**
**Cheong Poh Suan (Deceased)**
**Lot. 4771, Jln. Pandan Satu,**
**Kampung Pandan, Kuala Belait,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**5 Februari 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 194 / 2000**

**Malayan Banking Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Elizabeth Lee Laye Ngee**
**(00-069933 – Kuning)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan Perintah Penerimaan**
**Dan**
**Notis Pelepasan Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Bahawa **Perintah Penerimaan** dan **Perintah Penghukuman** yang di buat terhadap Penghutang telah **dibatalkan** dan **dilepaskan** pada 25 Januari 2024.

**Nama Penghutang :**
**Elizabeth Lee Laye Ngee**
**Unit 1, 1st Floor, Wisma Shahryza Apartment,**
**Simpang 24, Jalan Gadong,**
**BE3978,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**14 Februari 2024**

**Hajah Normazdina Binti Hj Md Maskub**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**



# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

## GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM




1. Pilih makanan segar dan tidak berproses
2. Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3. Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4. Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5. Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**



1 bungkus
**Mee Segera**

**1000 mg**



Sebiji
**Telur Masin**

**880 mg**



1 sudu makan
**Kicap**

**376 mg**



3 sudu makan
***Corned Beef***

**295 mg**



1 bungkus kecil
**Keropok Ubi Kentang**

**243 mg**



1 bungkus kecil
**Keropok Udang Tempatan**

**120 mg**



1 cawan
**Kentang Goreng**

**116 mg**



Segenggam
**Kacang Tanah (Salted)**

**15 mg**



3 keping
**Kraker Beras**

**2.4 mg**



1/2 cawan
**Amping**

**1.7 mg**



Segenggam
**Kacang Tanah (Unsalted)**

**1.2 mg**



Sebiji ukuran sederhana
**Pisang**

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium)** sehari

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**

hpcbrunei | Health Promotion Centre | Talian Darussalam 123

PELITA BRUNEI

# PENUTUPAN SEMENTARA SEPARUH JALAN DI JALAN SINGA MENTERI




PENUTUPAN sementara separuh jalan di Jalan Singa Menteri, Kuala Belait.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Singa Menteri, Kuala Belait (sila rujuk peta).

Penutupan berkenaan akan mula dilaksanakan pada Ahad, 25 Februari 2024 dan Rabu, 28 Februari 2024 mulai pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Sebab penutupan adalah bagi memberi ruang kepada pihak UNN untuk kerja-kerja meroboh struktur UNN.

Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan dinasihatkan untuk menggunakan jalan alternatif dan mematuhi papan tanda arahan jalan raya serta had kelajuan yang telah ditetapkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam*, Instagram *@jkrbrunei* dan e-mel *pro@pwd.gov.bn*.







# EKSPEDISI PATRIOTIK 2024 SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NBD KE-40






**PERSATUAN Motosikal Darussalam (PEMODA) menganjurkan Ekspedisi Patriotik 2024 Bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dan pelepasan konvoi disempurnakan oleh Ketua Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Awang Rushdi bin Haji Abd Rahman (kiri dan kanan).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam**

**TUTONG,** Ahad, 25 Februari. - Bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024, Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) pada hari ini menganjurkan Ekspedisi Patriotik 2024 dengan tujuan memupuk semangat patriotik terhadap tanah air dalam kalangan ahli-ahlinya.

Seramai 100 ahli persatuan berkenaan menyertai program berkonvoi dengan menunggang motosikal berkuasa tinggi bagi menyusuri 40 buah kampung yang telah ditentukan.

Para peserta pada awalnya berkumpul di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya dan kemudiannya berkonvoi menuju ke Masjid Kampung Bukit bagi menunaikan Solat Fardu Zuhur Berjemaah sebelum memulakan perjalanan Ekspedisi Patriotik 2024.

Pelepasan konvoi kemudian disempurnakan oleh Ketua Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Awang Rushdi bin Haji Abd Rahman.

Konvoi yang diketuai oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad itu melalui beberapa batang jalan iaitu Jalan Long Mayan-Bukit; Jalan Penapar-Ukong; Jalan Tanjong Maya; Jalan Lamunin; Jalan Tutong; Jalan Mulaut-Limau Manis; Jalan Junjungan; Jalan Bengkurong; Jalan Bengkurong-Masin; Jalan Tutong; Jalan Telanai; Jalan Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Jalan Jerudong-Tungku; dan Jalan Jerudong sekali gus melintasi 40 buah kampung di jalan-jalan yang terlibat sebagai signifikan sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40.

Acara berakhir di Star Lodge Hotel dan ketibaan konvoi di sana dialu-alukan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Sumber, Pejabat Sekretariat MTMIB, Dr. Siti Salwana Syarfa' binti Haji Dahlan.

Program seumpamanya merupakan salah satu kaedah atau pendekatan untuk mendekatkan dan memberi galakan kepada masyarakat Brunei khususnya generasi belia tentang nilai dan kepentingan menghargai tanah air tercinta.

Pada masa yang sama, program ini juga bertujuan untuk mendukung Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dalam menanam dan menguatkan lagi semangat cinta dan taat setia kepada raja, agama dan bangsa.

Di samping itu, program yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendorong dan menggalakkan masyarakat di negara ini untuk sama-sama mengamalkan budaya hidup sihat, riadah melalui aktiviti melibatkan fizikal, mental dan kerohanian.

# Konvoi Gabungan Bersepadu pupuk semangat patriotik

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**






**NISSAN Sales Management, Boustead Sdn. Bhd., Dayang Roslyanti binti Haji Rosli semasa menyempurnakan Pelepasan Konvoi Gabungan Bersepadu dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta konvoi tersebut (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, antara yang menyertai konvoi berkenaan.**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Sebanyak 97 buah kenderaan menyertai Konvoi Gabungan Bersepadu sempena Hari Kebangsaan (HK) Ke-40 Negara Brunei Darussalam (NBD), Tahun 2024M / 1445H.

Perjalanan Konvoi Gabungan Bersepadu berkenaan bermula dari Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengelilingi Bandar Seri Begawan dan seterusnya menuju ke tempat letak kereta Jerudong Park.

Konvoi berkenaan dianjurkan oleh Kelab Nissan Terra Brunei (BNT) dengan gabungan bersama Mercedes Benz Club Brunei (MBCB), Independent Bimmer Team (IBT), Brunei Alphard Vellfire Enthusiasts (BRAVE), Brunei Fortuner Club (BFC) dan turut disokong oleh Boustead Sdn. Bhd. serta Jerudong Park & Country Club Sdn. Bhd.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan pelepasan Konvoi Gabungan Bersepadu berkenaan, Nissan Sales Management, Boustead Sdn. Bhd., Dayang Roslyanti binti Haji Rosli.

Antara tujuan program berkenaan diadakan adalah bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik, kebangsaan dan bernegara sempena menyambut Ulang Tahun HK NBD Ke-40 sekali gus menjalinkan hubungan baik, silaturahim serta ukhuwah di antara kelab-kelab dan peminat automobil di NBD.

Program berkenaan juga bertujuan untuk menjadikan aktiviti seumpama berkenaan sebagai salah satu aktiviti tahunan kelab dalam merayakan apa juga acara kenegaraan yang disambut di dalam negara.

# IMBASAN MINGGUAN



KOLEKSI *commemorative medallions* diperlihatkan semasa Sidang Media mengenai Kempen 'HK 40 - A Commemoration for the Nation' bertempat di Lobi 10, Print Plus Sdn. Bhd. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



SEBAHAGIAN mereka yang hadir pada Jerayawara 'Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi' sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 yang diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



JOHAN qari Peringkat Antarabangsa Negara Brunei Darussalam, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki memulakan acara dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat suci Al-Quran dari Surah Al-Mu'minun (ayat 1 hingga ayat 11) pada Sambutan Israk dan Mikraj Hijrah bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang terlibat dalam latihan-latihan bagi acara Kemuncak Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



SEORANG penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong yang menghadiri Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik semasa menjawab kuiz yang diajukan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.


BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA




# Sidang MMN patuhi nilai, prinsip MIB

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi dengan kerjasama Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**MAJLIS** Mesyuarat Negara merupakan satu ciri dan tradisi penting dalam sistem pemerintahan Beraja, yang dipegang teguh selama lebih dari satu abad. Berpangkal dari perbincangan konsultatif yang diadakan dalam suasana harmoni, bersatu padu, dan saling hormat-menghormati, Majlis Mesyuarat Negara dengan tegas mematuhi nilai-nilai dan prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) serta memperkukuhkan lagi hubungan antara rakyat dan kerajaan.

Matlamat utama Majlis Mesyuarat Negara adalah bagi mewujudkan kemakmuran, kemajuan, keamanan dan keselamatan untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah kerajaan berperlembagaan yang adil, berdaulat, aman, makmur, dan penuh kebahagiaan, kekal kukuh dan utuh di bawah bimbingan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

### Sejarah ringkas

Dalam tahun 1906, sebuah Majlis Mesyuarat Negeri telah diwujudkan untuk menggubal dan meluluskan segala undang-undang dan keahliannya terdiri daripada 10 orang ahli iaitu pegawai-pegawai British yang bertugas di dalam negeri ini, orang-orang yang diangkat gelaran dan disampiri gelaran seperti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Permaisuara, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Temanggong, Pehin Orang Kaya Digadong, Pehin Dato Temanggong, Pehin Orang Kaya Shahbandar, Pehin Orang Kaya Laksamana dan Sultan sendiri menjadi Pengerusi Majlis.

Sebuah lagi badan yang penting ialah Majlis Mesyuarat Negeri yang ditubuhkan selepas berkuat kuasanya Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Majlis ini telah mengalami beberapa kali perubahan dari segi bilangan ahli. Pada peringkat awalnya, di dalam perlembagaan telah menetapkan bilangan ahli seramai 30 orang termasuk 16 orang ahli yang dipilih oleh rakyat, sebelum majlis ini dibubarkan pada tahun 1984. Majlis ini mempunyai 20 orang ahli; enam orang Ahli Rasmi Kerana Jawatan (Ex-officio member), lima orang Ahli Rasmi (Official member) dan 10 orang Ahli Yang Dilantik (Nominated member). Ahli Rasmi Kerana Jawatan terdiri daripada Menteri Besar, (Timbalan Menteri Besar), Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama. Ahli Rasmi pula, mereka yang sedang menyandang jawatan kerajaan manakala ahli dilantik adalah mereka yang tidak menyandang jawatan di pihak kerajaan. Ahli Majlis yang dipilih oleh rakyat dan ahli yang dilantik (Nominated member) telah dibubarkan pada tahun 1970.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri pada mulanya dipengerusikan oleh Menteri Besar, tetapi kemudiannya seorang ahli yang dipanggil Yang Dipertua Dewan (Speaker) menjadi pengerusi. Yang Dipertua Dewan (Speaker) adalah dilantik oleh Sultan sama ada daripada kalangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri itu sendiri ataupun daripada orang yang bukan ahli.

### Peranan majlis mesyuarat negeri dalam pentadbiran

Setiap sebuah negeri yang maju dalam bidang pentadbiran haruslah disokong oleh tiga bahagian yang sangat penting dan mempunyai hubung kait di antara satu dengan yang lain serta sangat kukuh. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan itu ialah Perundangan (Legislature), Kehakiman (Judiciary) dan Eksekutif (Executive) – Pentadbiran.

Ketiga-tiga bahagian ini diharuskan mempunyai keseimbangan bersama, sekiranya salah satu bahagian ini mempunyai kelemahan maka pentadbiran kerajaan itu akan mengalami kepincangan dan terancamlah oleh anasir-anasir jahat yang berniat untuk merosakkan negara yang aman damai itu.

Negara Brunei Darussalam walaupun bukan kerajaan yang berparlimen (Parlimentary System of Government), tetapi tugas dan tanggungjawab pada meluluskan kesemua undang-undang adalah terletak di bawah kuasa Perundangan (Legislature) yang mana digelarkan 'Majlis Mesyuarat Negeri'.

### MMN 2024

Persidangan Majlis Mesyuarat tahun ini akan membincangkan dan meluluskan perkara utama iaitu Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, melalui tiga peringkat sebelum ianya dapat diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2024.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang akan berlangsung pada Hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan dengan 27 Februari 2024 bertempat di Bangunan Dewan Majlis disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; dibantu oleh Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

### Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah sebagai wakil kepada suara rakyat negara dan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara berfungsi sebagai sebuah landasan bagi wakil-wakil yang lantik untuk menyuarakan isu-isu kebangsaan melalui perbincangan yang strategik serta menyumbangkan idea-idea kepada memperkukuhkan dasar-dasar kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Seramai 34 orang terdiri daripada : Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-Orang Bergelar, Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-Wakil Yang Dilantik dari keempat-empat buah daerah di Negara Brunei Darussalam.

### Peraturan dan garis pandu persidangan

Para jemputan khas dan jemputan-jemputan ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara adalah dinasihati untuk melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum menghadiri istiadat, memuat naik keputusan ART ke dalam aplikasi Bruhealth dan menunjukkannya kepada Ahli Jawatankuasa Jemputan yang bertugas.

Para jemputan yang mempunyai gejala-gejala seperti demam, batuk, selesema dan masalah pernafasan adalah dinasihatkan tidak hadir ke istiadat tersebut.

Sehubungan dengan ini, orang ramai yang berminat untuk menghadiri Sesi Persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan.

### Peraturan bagi menghadiri persidangan

1. Lawatan sekolah

- Sekolah-sekolah dan institusi pendidikan yang berhasrat untuk membuat lawatan sambil belajar pada hari-hari persidangan adalah dipohonkan untuk menghadapkan permohonan melalui persuratan, sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh lawatan.

- Para pelajar dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan dalam peraturan kod pakaian yang disediakan dan dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan seperti yang ditetapkan.

2. Orang ramai (termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan)

- Orang ramai termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang hadir untuk melihat dan mendengar persidangan di Dewan Persidangan dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan dalam peraturan kod pakaian yang disediakan dan dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan.

### Peraturan kod pakaian bagi menghadiri persidangan

1. Lawatan sekolah

- Mahasiswa-mahasiswi hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju lengan panjang, seluar panjang dan bersongkok bagi mahasiswa. Baju kurung dan bertudung bagi mahasiswi serta memakai kasut kerja.

- Bagi murid-murid / penuntut-penuntut sekolah hendaklah memakai pakaian seragam sekolah masing-masing dan kasut sekolah.

2. Orang ramai (termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan)

- Lelaki dimestikan berpakaian kemas dan sopan dengan baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang (lounge suit) serta tali leher atau pakaian Melayu Islam Beraja atau Baju Melayu lengkap dengan sinjang dan bersongkok serta memakai blazer hitam atau warna gelap.

- Perempuan : Berpakaian kemas dan sopan dengan Baju Kurung atau baju kemeja lengan panjang dan seluar / skirt labuh panjang (*lounge suit)* dan bertudung (bagi yang beragama Islam), memakai blazer hitam atau warna gelap dan memakai kasut kerja.

3. Pakaian yang tidak dibenarkan

- Pakaian seperti topi atau cap
- Baju lengan pendek atau t-shirt atau sukan
- Seluar *jeans* atau pendek atau sukan / skirt pendek / *leggings* / sandal / selipar

### Peraturan dewan persidangan

1. Ditegah merokok sama ada di dalam dan di luar kawasan Bangunan Dewan Majlis.

2. Dilarang mengambil gambar / video di dalam dewan semasa persidangan sedang dijalankan (peraturan ini dikecualikan bagi pihak-pihak yang telah diberikan kebenaran).

3. Orang ramai atau pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan adalah ditegaskan untuk mengaktifkan telefon bimbit masing-masing kepada mod senyap (*silent mode*) semasa berada di dalam Dewan Persidangan.

4. Ditegah membawa benda-benda yang merbahaya yang boleh mengancam keselamatan. Tapisan keselamatan akan dibuat sebelum memasuki Bangunan Dewan Majlis.

5. Dilarang membuat bising atau bercakap-cakap semasa persidangan dijalankan.

6. Dilarang membuang sampah di dalam Dewan Persidangan. Sila gunakan tempat pembuangan sampah yang disediakan di dalam Bangunan Dewan Majlis.

7. Tidak dibenarkan makan atau minum di dalam Dewan Persidangan.

8. Sila patuhi tatacara untuk masuk dan keluar dewan semasa persidangan sedang dijalankan.




# Kecekalan Dayang Liyana Imani jadi inspirasi

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Dayang Liyana Imani Abdul Latif**

**DAYANG** Liyana Imani binti Abdul Latif mengisi ruangan Belia Berwawasan kali ini sedia berkongsi cerita dan pengalamannya dalam bidang perniagaan di samping aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Ibu kepada lima orang cahaya mata dan berusia 38 tahun itu, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Public Policy and Administration. Beliau mula berkecimpung dalam industri perniagaan sejak dari tahun 2009 secara kecil-kecilan dari Facebook dan berkembang sehingga tercapai hajatnya membuka beberapa buah kedai dengan usahanya sendiri.

Menjadi seorang pemimpin belia bermula dari tahun 2004 sebagai Naib Yang Dipertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam selama 10 tahun, beliau telah berjaya menjalankan beberapa program amal dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta seorang belia yang berlatarbelakangkan Commonwealth Youth Caucus Programme.

Beliau juga membuat beberapa inisiatif persendirian menggunakan nama Lily Imani Infaq. Antara yang dijalankan ialah projek tahunan iaitu program Derma Anak-anak Yatim setiap Ramadan sejak tahun 2016 bersama Projek Feed sehingga pernah mengutip sumbangan lebih BND30 ribu ringgit.

Selain itu, beliau juga menghantar dua orang sukarelawan ke Turkiye pada bulan Februari 2023 untuk misi menghantar bantuan sebanyak 190,000 Turkish Lira di bawah inisiatif sendiri dengan Projek Feed.

Selain itu, Lily Imani yang juga merupakan sebuah *social enterprise,* telah membuat beberapa inisiatif persendirian untuk meringankan beban mangsa-mangsa di Gaza semenjak Oktober 2023. Pihaknya telah bekerjasama dengan NGO di Egypt, Gazze Destek Dernegi NGO yang membekalkan keperluan ubat-ubatan dan makanan asasi untuk penduduk Gaza.

Lily Imani dengan kerjasama Projek Feed telah menghantar USD20,000 pada 18 Oktober 2023 untuk ubat-ubatan; USD40,000 untuk sebuah ambulan pada 4 Disember 2023; USD15,000 untuk satu trak tepung pada 12 Januari 2024. Selain itu dua orang sukarelawan dihantar ke Egypt pada 8 Februari untuk pengurusan USD20,000 trak tepung dan pengurusan ambulan serta membantu rakyat-rakyat Palestin yang berada di Egypt Hospital yang sedang menerima rawatan intensif.

Lily Imani bersama dengan Projek Feed, Big Bwn, Persatuan Perubatan Brunei, MUBN dan Young Professionals Network telah mengadakan Steps for Solidarity, A Fundraising Walk for the Palestinian Humanitatian Fund pada 5 November 2023 di Taman Mahkota Jubli Emas. Jumlah penyertaan seramai 8,000 orang dan pihaknya telah berjaya mengumpul dana untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza sebanyak BND41,700.

Sebagai usahawan tempatan, Dayang Liyana Imani memiliki beberapa buah syarikat berlainan bidang seperti beberapa buah perniagaan *food and beverage*, sebuah syarikat perabot, pembinaan dan hartanah serta bidang *network marketing* BE International Sdn. Bhd. selama empat tahun dan akan membuka ibu pejabat di Kiulap tidak lama lagi.

Pengalaman sebagai seorang sukarelawan dan pemimpin belia selama 20 tahun lalu bukannya mudah, setentunya banyak cabaran yang ditempuh sehingga mengajarnya erti kecekalan dan tabah.

Beliau mula belajar menjadi seorang sukarelawan dari zaman remaja, terlibat sebagai ahli eksekutif Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dan mendapat banyak peluang untuk mengembangkan kemahiran dan pengalaman dari penglibatan NGO merupakan pengalaman yang sangat berharga.

"Menjadi seorang usahawan kerana saya adalah seorang yang mempunyai personaliti yang kreatif dan berani merebut peluang. Membantu orang untuk menjadi berjaya, menjadi mentor dalam perniagaan dan kerja amal adalah minat yang mendalam bagi saya," terangnya.

Setakat ini beliau telah berjaya mengembangkan perniagaan bukan saja di Negara Brunei Darussalam (NBD) malahan juga di luar negara seperti Malaysia serta memenangi anugerah.

Pengalamannya selama 16 tahun sebagai usahawan banyak memberi pengajaran dan pengalaman menjalankan perniagaan pada waktu susah dan senang.

"Saya membina kerjaya saya pada waktu yang sama, saya juga seorang ibu, seorang isteri dan seorang anak yang mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga. Menjalankan perniagaan yang banyak cabaran, sewaktu mengandung, menyusui anak dan membesarkan anak-anak adalah cabaran terbesar selama 10 tahun pertama. Memilih kerjaya sebagai seorang ahli perniagaan bukanlah satu kerjaya yang mudah," jelasnya.

"Pembakar semangat saya adalah suami saya yang selalu memberikan sokongan dan mengizinkan saya untuk mencapai impian saya. Suami saya membuatkan saya lebih bersemangat kerana dia sumber kekuatan keluarga kami yang membolehkan saya menjadi seorang wanita yang berani berimpian," katanya.

Dayang Liyana Imani juga berhasrat untuk meneruskan misi-misi bantuan di dalam negeri dan juga di luar negeri, dengan sokongan dan kerjasama daripada kumpulan-kumpulan pemimpin belia di NBD dan luar negara, social enterprises dan para NGO.

"Saya juga berimpian untuk memberikan yang terbaik bagi anak-anak yatim di NBD, meluaskan beberapa jenis bantuan yang boleh diberikan kepada mereka agar boleh membesar dengan baik dan tidak berasa serba kekurangan. Saya mahukan anak-anak yatim di negara ini mendapatkan peluang yang sama dengan anak-anak yang mempunyai kedua ibu bapa," ujarnya.

"Dari segi perniagaan, saya ingin menjadi seorang pemimpin yang boleh berkongsi peluang perniagaan agar belia-belia dan terutamanya para suri rumah tangga dapat berdikari dan mengubah kehidupan mereka dengan platform kerjaya yang saya ketuai di BE International Sdn. Bhd.," jelasnya.

"Nasihat saya kepada belia Brunei adalah, jangan takut pada kegagalan, jangan malu untuk berniaga. Saya mula berniaga dengan modal yang sangat kecil dan menjual barang-barang dari bonet kereta. Jika saya berasa malu untuk mencari rezeki halal, saya tidak akan berada di sini sekarang. Buang tabiat menunggu peluang pekerjaan dan jadilah insan yang boleh memberikan peluang itu, bukan ditunggu. Saya ingin melihat lebih ramai belia yang berkualiti, rajin dan berakhlak baik untuk mewarisi pemimpin-pemimpin belia sekarang," terangnya.

Terakhir sekali, pesanan beliau adalah, rajin di tempat yang betul. Apabila kita rajin di tempat yang salah, impian kita tidak akan tercapai. Beranilah mengejar makna hidup awda dan jangan mudah menyerah kalah.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# 22 MAUT DALAM NAHAS JALAN RAYA DI UTTAR PRADESH

**NEW DELHI,** 24 Feb. - Sekurang-kurangnya 22 orang terbunuh pada Sabtu apabila *tractor-trolley* yang dinaiki mereka terjunam ke dalam kolam di Uttar Pradesh, India.

Mangsa kebanyakannya wanita dan kanak-kanak dan ketika kejadian mangsa dalam perjalanan untuk menghadiri upacara keagamaan di Sungai Ganga.

Kenderaan berkenaan yang membawa kira-kira 50 penumpang, terbalik lalu terjunam ke dalam kolam sedalam lapan kaki ketika pemandunya cuba memintas kenderaan lain, menurut laporan media tempatan.

"Pegawai pentadbiran daerah telah diarah untuk memberi rawatan percuma kepada semua mangsa yang cedera," kata Ketua Menteri Uttar Pradesh Yogi Adityanath dalam hantaran di media sosial. - ©BERNAMA

## Bekalan air di empangan Sabah cukup tiga bulan sekiranya kemarau berpanjangan

**KOTA KINABALU,** 24 Feb. - Timbalan Ketua Menteri III Sabah Datuk Shahelmey Yahya menjelaskan bekalan air sedia ada di empangan negeri mencukupi sehingga tempoh tiga bulan sekiranya berlaku musim kemarau berpanjangan.

Beliau berkata sekiranya keadaan kemarau semakin berpanjangan, Jabatan Air Sabah (JAS) akan melaksanakan catuan dan menyarankan untuk langkah-langkah penjimatan air.

"Saya telah bermesyuarat dengan JAS bagi membincangkan isu bekalan air di Sabah berikutan keadaan cuaca panas yang sedang melanda negara kita ketika ini. Setakat yang kami maklumkan JAS bersedia untuk memastikan bahawa kita mempunyai bekalan air yang mencukupi di empangan yang ada pada masa kini.

"Bagaimanapun sekiranya kita sampai ke tahap kritikal mungkin alternatif seperti pembenihan awan akan dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas Merasmikan Sambutan Hari Pengasas Pengakap Sedunia Peringkat Sabah di sini hari ini.

Shahelmey yang juga Menteri Kerja Raya Sabah berkata pada ketika ini JAS juga ada melaksanakan catuan berikutan sistem pengagihan paip bagi memastikan semua pengguna mendapatkan bekalan air yang mencukupi.

Semalam (23 Feb), Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad dilaporkan berkata jabatan dan agensi berkaitan diminta bersedia melaksana pemadaman kebakaran berskala besar dan operasi pembenihan awan bagi menghadapi keadaan cuaca panas dan kering serta fenomena El Nino ketika ini. - ©BERNAMA

## Israel lakukan genosid terhadap rakyat Palestin di Gaza - Presiden Brazil

**RIO DE JANEIRO**, 24 Feb. - Presiden Brazil Lula da Silva sekali lagi menegaskan bahawa Israel telah melakukan "genosid" terhadap rakyat Palestin di Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Bercakap pada satu acara di Rio de Janeiro semalam, Presiden da Silva berkata: "Apa yang Israel lakukan bukanlah peperangan tetapi genosid kerana mereka membunuh wanita dan kanak-kanak".

"Beribu-ribu kanak-kanak terbunuh, ribuan lagi hilang. Bukan tentera yang terbunuh, tetapi wanita dan kanak-kanak. Jika ini bukan dikatakan genosid, saya tidak tahu apa maksud sebenar genosid".

Awal bulan ini, da Silva menyifatkan apa yang dilakukan rejim itu di Gaza sama seperti Holocaust Nazi semasa Perang Dunia II.

Bercakap kepada media di luar sidang kemuncak Kesatuan Afrika di Addis Ababa pada 18 Feb, beliau berkata apa yang berlaku di Gaza bukanlah peperangan tetapi genosid.

Beliau menyifatkan apa yang terjadi itu tidak pernah berlaku dalam sejarah.

Berikutan kenyataan itu, Brazil memanggil pulang dutanya ke Tel Aviv pada hari berikutnya. - ©BERNAMA

## Daya tahan Ukraine terserlah ketika mendepani kepayahan dan cabaran

**KUALA LUMPUR**, 24 Feb. - Hari ini (Sabtu) menandakan operasi ketenteraan Rusia di Ukraine sudah menjangkau dua tahun, daya tahan negara ini menjadi sumber harapan di tengah-tengah cabaran menghadapi pencerobohan dan kepayahan menjalani proses membina semula negara.

Bekas Duta Ukraine ke Malaysia Olexander Nechytaylo berkongsi dengan Bernama bahawa kerajaannya tidak jemu bekerja untuk menjamin kedaulatan dan membina semula negara di tengah-tengah kesukaran.

"Ia merupakan satu tugas utama memandangkan kemusnahan yang besar. Namun, kami telah berjaya dan penghargaan diberikan atas kecekapan dasar kerajaan dan bantuan antarabangsa yang telah membantu kami bertahan.

"Kyiv tetap berdiri teguh meskipun setelah dua tahun pencerobohan; semua kemudahan pengangkutan berfungsi seperti biasa, kanak-kanak menghadiri sesi persekolahan, pusat membeli-belah dibuka dan orang ramai bertekad mempertahankan tanah air dan cara hidup kami," kata Nechytaylo yang kembali ke Kyiv pada Jun 2022.

Beliau menekankan dua faktor penting yang menyumbang kepada daya tahan Ukraine, terutama dalam sektor seperti pertanian dan tenaga, serta semangat tidak berbelah bahagi warganya serta keberanian anggota tenteranya. Sementara itu, beliau berkata kejayaan menyekat armada Laut Hitam Rusia telah memudahkan perdagangan antarabangsa dan mendorong pemulihan ekonomi.

"Rakyat kami berhasil menyekat armada Rusia di Laut Hitam, memastikan laluan perkapalan penting kini berfungsi sepenuhnya. Sejak Ogos 2023, lebih 700 kapal komersial telah belayar melalui Laut Hitam dari pelabuhan Ukraine dengan membawa pelbagai jenis kargo termasuk lebih 20 juta tan gandum kepada rakan kongsi kami di Asia, Asia Barat dan Afrika. Oleh itu, perdagangan antarabangsa kekal sebagai pemacu utama untuk memulihkan ekonomi kita," kata bekas duta itu.

Mengenai hampir lima juta orang di Ukraine yang hilang tempat tinggal dengan kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, bersama-sama lebih enam juta rakyatnya mencari perlindungan di luar negara, Nechytaylo menegaskan bahawa situasi itu menggariskan skala krisis kemanusiaan yang berkaitan dengan keperluan pelarian dalaman (IDP).

Beliau berkata ia menjadi keutamaan kerajaan dengan usaha bersepadu menyediakan bantuan dan insentif kepada IDP untuk melibatkan mereka dalam aktiviti ekonomi termasuk menubuhkan perniagaan mereka sendiri.

"Setakat ini, kebanyakan IDP telah menetap dengan baik, tetapi matlamat utama adalah untuk membantu mereka membina semula kehidupan mereka. Dalam tempoh jangka masa panjang, kerajaan dijangka mewujudkan insentif dan peluang lain bagi menggalakkan rakyat Ukraine di luar negara kembali dan menyumbang kepada pembinaan semula negara," kata Nechytaylo.

Sebelum ini, Bernama melaporkan bahawa Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) menganggarkan hampir 6.5 juta pelarian dari Ukraine telah mencari perlindungan di seluruh dunia, dengan 3.7 juta pelarian dalaman direkodkan sejak pencerobohan itu.

Nechytaylo berkata Ukraine tetap terbuka kepada perkongsian yang bertujuan memperkukuh keupayaan pertahanan negara, di tengah-tengah cabaran berterusan akibat konflik yang melanda. "Ukraine pastinya akan mengalu-alukan sebarang perkongsian yang membantu mengukuhkan keupayaan pertahanan kami," katanya.

Pada 24 Feb 2022, Rusia memulakan operasi ketenteraan menyeluruh ke atas Ukraine. Konflik berterusan sejak itu, dengan Ukraine gigih menentang pencerobohan Rusia. - ©BERNAMA

## Iran nafi bekalkan peluru berpandu balistik kepada Rusia

**NEW YORK**, 24 Feb. - Wakil Tetap Iran ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York menafikan laporan media Barat yang mendakwa negara itu membekalkan peluru berpandu balistik kepada Rusia untuk kegunaan dalam perang ke atas Ukraine.

"Meskipun tiada sekatan undang-undang terhadap penjualan peluru berpandu balistik, atas tanggungjawab moral Iran tidak melakukan transaksi senjata ketika konflik Rusia-Ukraine...Iran mendukung undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB," lapor Agensi Berita Iran IRNA memetik kenyataan wakil terbabit di platform X pada Jumaat.

Media Barat pada Rabu memetik 'enam sumber' yang mendakwa Iran membekalkan sekitar 400 peluru berpandu balistik (surface-to-surface) kepada Rusia. Laporan itu mendakwa bahawa penghantaran bermula pada awal Januari selepas perjanjian dimuktamadkan ketika mesyuarat antara pegawai-pegawai tentera dan keselamatan Iran dan Rusia yang diadakan di Tehran dan Moscow akhir tahun lepas.

Menurut Irna, Tehran dan Moscow menyatakan bahawa penyediaan senjata buatan Iran kepada Rusia adalah sebahagian daripada kerjasama ketenteraan antara kedua-dua negara. - ©BERNAMA

## Penempatan Israel di wilayah Palestin ancam keamanan dan usaha penyelesaian dua negara

**THE HAGUE**, 24 Feb. - Maghribi pada Jumaat menegaskan bahawa penempatan haram Israel di wilayah Palestin yang diduduki termasuk di Baitulmaqdis Timur menjadi penghalang kepada keamanan dan mengancam usaha penyelesaian dua negara.

Duta Maghribi ke The Hague, Belanda berkata demikian ketika membentangkan kenyataan lisan negara itu dalam sesi pendengaran awam Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai kesan perundangan yang timbul akibat dasar dan amalan Israel di wilayah Palestin, termasuk Baitulmaqdis Timur.

Penyelesaian konflik Israel-Palestin selama beberapa dekad melalui rundingan dan dialog berdasarkan undang-undang antarabangsa kekal menjadi asas kepada keamanan dan kestabilan yang berkekalan di Asia Barat, lapor Agensi Berita Maghribi (MAP).

Maghribi mengulangi komitmennya bahawa undang-undang antarabangsa perlu dihormati dan menggalakkan keamanan di Asia Barat demi mencapai penyelesaian berkekalan berdasarkan prinsip dua negara iaitu sebuah negara Palestin merdeka berdasarkan sempadan 4 Jun 1967, dengan Timur Al-Quds (Baitulmaqdis) sebagai ibu negara.

"Penyelesaian konflik Israel-Palestin melalui dialog dan rundingan, selaras dengan rangka kerja rundingan PBB khususnya Resolusi Majlis Keselamatan 242 dan 338 kekal sebagai asas bagi keamanan dan kestabilan yang berkekalan di Asia Barat," katanya. Lebih 50 negara dan organisasi antarabangsa mengambil bahagian dalam pendengaran awam di ICJ dari 19 hingga 26 Feb. - ©BERNAMA

## Dua maut, helikopter tentera terhempas di Mississippi

**MOSCOW**, 24 Feb. - Dua anggota tentera Mississippi terkorban selepas helikopter yang dinaiki terhempas di Prentiss County semasa menjalani latihan rutin pada Jumaat, lapor Sputnik memetik Gabenor Mississippi Tate Reeves.

"Kira-kira 2 petang (20:00 GMT Jumaat), helikopter jenis Apache AH-64 terhempas ketika menjalani latihan rutin di Prentiss County. Malangnya, dua anggota tentera terkorban," kata Reeves menerusi platform X.

Anggota penyelamat dan pihak berkuasa tempatan kini berada di lokasi kejadian. Sebelum ini, pada Februari, lima anggota marin terbunuh dalam nahas helikopter CH-53E Super Stallion di kawasan terpencil di California Selatan semasa menjalani penerbangan latihan.

Pada Disember 2023, tentera AS menghentikan keseluruhan operasi armada pesawat V-22 Osprey selepas lapan anggotanya maut apabila CV-22 Osprey terhempas di pantai Pulau Yakushima Jepun. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# IRAN CADANG MEKANISME KHUSUS REKOD JENAYAH ISRAEL

**TEHRAN,** 25 Feb. - Iran menggesa penubuhan mekanisme khusus di Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi mendokumentasikan dengan lebih terperinci mengenai jenayah yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin.

Gesaan itu disuarakan Menteri Kebudayaan Mohammad Mehdi Esmaili ketika berucap pada sesi tergempar Persidangan Menteri Penerangan Islam yang diadakan di Istanbul, Turkiye pada Sabtu, lapor Agensi Berita Iran IRNA.

"Kita boleh mengumpul bukti kukuh untuk mendapatkan keadilan melalui kaedah undang-undang dan memastikan mereka bertanggungjawab atas tindakan tidak berperikemanusiaan itu," katanya.

Beliau membuat kenyataan itu sebagai sebahagian daripada cadangan Iran untuk menyokong rakyat Palestin di Gaza selepas serangan berterusan rejim Israel.

Menteri itu turut mencadangkan supaya media dalam kalangan negara anggota OIC mempertingkatkan kerjasama dalam usaha mengekang maklumat salah yang disebarkan Israel. - ©BERNAMA

# Belon udara di Utah mungkin milik orang awam - NORAD

**WASHINGTON,** 25 Feb - Objek yang berada pada altitud tinggi berkemungkinan hanya sebiji belon dan telah beredar meninggalkan ruang udara Amerika Syarikat (AS), menurut pegawai Komando Pertahanan Aeroangkasa Amerika Utara (NORAD) pada Sabtu.

NORAD dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa belon kecil yang dipintas oleh pesawat pejuang AS di Utah pada Jumaat mungkin milik orang awam dan tidak memberikan ancaman kepada keselamatan negara, lapor United Press International (UPI).

Belon itu berada pada ketinggian kira-kira 13,100 hingga 13,700 meter ketika dipintas.

NORAD dan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan memantau belon itu sehingga ia beredar dari ruang udara AS pada waktu malam.

Belon itu berada pada ketinggian kira-kira 15.2 meter dan membawa sebuah kiub kecil selebar kira-kira 61 cm, lapor CNN.

Belon terbabit jauh lebih kecil berbanding belon pengintip China yang ditembak jatuh tentera AS awal tahun lalu. - ©BERNAMA

# Jemaah umrah Malaysia meninggal dunia dalam penerbangan Dubai - KL

**NEW DELHI,** 25 Feb. - Seorang wanita rakyat Malaysia meninggal dunia dalam penerbangan Emirates dari Dubai ke Kuala Lumpur.

Susulan kejadian itu, penerbangan terbabit melakukan pendaratan cemas di Chennai, India, pada pagi Sabtu.

Penumpang berusia 57 tahun itu dilaporkan "mengalami sakit dada dan tidak sedarkan diri" semasa penerbangan, lapor sebuah laman sesawang berita India.

Jenazah akan dihantar pulang ke Malaysia selepas menjalani bedah siasat di Chennai.

Wanita itu dalam perjalanan pulang ke tanah air selepas menunaikan umrah. - ©BERNAMA

# Permainan Upin & Ipin menerusi konsol permainan akan dilancar September

**KUALA LUMPUR,** 25 Feb. - Selepas 19 tahun membina populariti siri animasi Upin & Ipin, syarikat produksi animasi tempatan berkenaan Les' Copaque Productions Sdn Bhd bakal melancarkan permainan Upin & Ipin menerusi konsol permainan video pada September ini.

Pengarah Urusan Les' Copaque Productions Sdn Bhd Burhanuddin Md Radzi berkata permainan berbayar itu yang dibangunkan sejak tahun lepas, akan dilancarkan menerusi beberapa peranti konsol permainan yang akan diumumkan kelak.

Beliau berkata syarikatnya membelanjakan RM15 juta bagi permainan berkenaan, yang dibangunkan sebuah syarikat antarabangsa berpangkalan di negara ini.

"Selain Malaysia, sasaran kita sudah tentu di Indonesia yang memiliki penggemar ramai siri animasi ini. Ia merupakan satu lagi kejayaan syarikat kita menerusi Upin & Ipin," katanya kepada Bernama.

Dalam pada itu, beliau berkata siri animasi berkenaan terus mendapat tempat di Indonesia apabila tempoh tayangan lima jam sehari menerusi saluran MNCTV di negara berkenaan ditambah kepada sembilan jam sehari ketika ini.

Perkara itu, katanya merupakan satu lagi kejayaan kepada syarikat yang ditubuhkan pada 2005 dan sehingga kini sudah berjaya meraih pelbagai anugerah menerusi siri Upin & Ipin yang diterbitkan pada 2007.

Burhanuddin berkata setiap tahun sebanyak 42 siri animasi baharu Upin & Ipin ditayangkan di negara berkenaan dan syarikatnya mendapat keuntungan menerusi iklan yang disiarkan dalam tempoh siaran berkenaan.

Dalam pada itu, beliau yakin pembinaan Taman Tema Upin Ipin di Alor Gajah, Melaka, sekiranya direalisasikan kelak mampu menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara pada masa hadapan, terutama daripada Indonesia.

Taman tema bertaraf antarabangsa yang dirancang untuk dibangunkan di atas tanah seluas 55.85 hektar itu dan bakal menelan belanja RM700 juta, dijangka dibuka secara berperingkat sekitar 2026 hingga 2027.

Sehingga kini, Upin & Ipin telah menerima pelbagai anugerah antaranya Anugerah Tokoh Filem Perpaduan pada sambutan Hari Seniman Kebangsaan 2023 menerusi filem animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal.

Upin & Ipin turut mengekalkan kemenangan pada Anugerah Penyiaran Ramah Anak (APRA) 2021 menerusi kategori Program Animasi Asing yang berlangsung di Jakarta, Indonesia pada 27 Nov 2021. - ©BERNAMA

# Tourism giat jadikan Johor Bahru destinasi pilihan pelancong Singapura

**JOHOR BAHRU**, 25 Feb. - Tourism Johor akan terus mempergiat usaha bagi menjadikan negeri itu khususnya bandar raya Johor Bahru, sebagai destinasi pilihan utama pelancong dari Singapura.

Pengarah Tourism Johor, Sharil Nizam Abdul Rahim berkata antara inisiatif akan dilaksanakan ialah menyusun pakej-pakej pelancongan menarik seperti aktiviti meneroka sejarah di negeri berkenaan.

Beliau berkata usaha itu dilakukan bagi menjadikan Johor sebagai lokasi penginapan dan bukan sekadar lokasi perhentian untuk membeli-belah warga republik berkenaan.

"Sebenarnya memang akan ada langkah-langkah inisiatif daripada Tourism Johor untuk pelancong Singapura, sepertimana yang kita maklum, mungkin ada yang mengatakan mereka ini hanya jadikan bandar ini sebagai pit stop.

"Kita akan ambil langkah supaya mereka datang dan menginap di Johor. Misalnya, ada bangunan-bangunan ikon berkemungkinan jika kita buka dan menyusun jadual perjalanan menarik, akan menyebabkan mereka duduk (bermalam) di Johor," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Johor Bahru Central Bussiness District (CBD) Heritage Walk di Legaran Segget di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai usaha Tourism Johor menarik pelancong dari Singapura, sekali gus menjadikan negeri itu sebagai lokasi pelancongan utama dan bukan sekadar perhentian untuk membeli-belah.

Sharil Nizam berkata kejatuhan nilai ringgit juga memberi peluang kepada Tourism Johor untuk meningkatkan lagi usaha merancakkan sektor pelancongan negeri.

"Kadang-kadang kita fikir mata wang kita jatuh, kita rasa macam, mengapa nilai mata wang Ringgit Malaysia begini kan?

"Sebenarnya, pada saya, itulah kelebihan untuk kita, gunakan sebaik mungkin, kita buat promosi lagi dekat luar, biar orang datang ke Johor termasuk untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di sini," katanya. - ©BERNAMA

# Suri rumah lesap RM181,650 akibat 'Phone Scam'

**IPOH**, 25 Feb. - Kes individu terperdaya dengan 'phone scam' atau penipuan melalui panggilan telefon nampaknya tidak bernoktah, kali ini seorang suri rumah di Taiping kerugian RM181,650 selepas menjadi mangsa sindiket itu.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata wanita berusia 55 tahun itu membuat laporan polis semalam selepas diperdaya sindiket kononnya penghantar barangan, pada Rabu lepas.

Beliau berkata siasatan awal mendapati mangsa dihubungi tiga individu berlainan pada awal Februari lepas yang memperdayanya dengan pelbagai dakwaan termasuk terbabit pengubahan wang haram.

"Mangsa menerima satu panggilan telefon daripada suspek pertama yang memperkenalkan diri daripada syarikat penghantaran barang dan memaklumkan ada bungkusan di dalamnya mengandungi tiga kad pengenalan, tiga pasport serta dua kad ATM yang dihantar mangsa ke Kuantan, Pahang.

"Mangsa kemudiannya bercakap dengan suspek kedua kononnya pegawai penghantaran barang yang menyatakan telah membuat satu laporan polis terhadap mangsa dan meminta mangsa merujuk laporan polis dalam aplikasi WhatsApp," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Yusri berkata panggilan telefon itu seterusnya disambung kepada seorang 'pegawai polis' yang memaklumkan bahawa mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram sebelum disambungkan pula kepada seorang pegawai atasan berpangkat 'Datuk'.

"Suspek ketiga telah membuat panggilan video dengan mangsa kononnya mengambil keterangan dan mangsa terkejut apabila dikatakan telah menjual akaun bank kepada pengurus bank pada harga RM150,000 dan mangsa menafikannya selain memberi maklumat tiga akaun miliknya untuk disemak suspek.

"Suspek keempat pula telah menghantar kononnya salinan pengesahan kewangan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan meminta mangsa memasukkan kesemua wang simpanan mangsa ke dalam akaun yang diberikan suspek keempat jika tidak mahu wang mangsa dibekukan BNM," katanya.

Mohd Yusri berkata suri rumah itu yang dalam keadaan panik dan ketakutan telah memindahkan kesemua wang miliknya ke dalam empat akaun yang diberikan suspek keempat.

"Pengadu telah melakukan 20 transaksi kewangan ke empat akaun berbeza berjumlah RM181,650 tanpa mengesyaki dirinya telah terpedaya.

"Setelah menyedari ditipu, pengadu kemudian membuat laporan di balai polis berdekatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# 59 SERTAI CABARAN '430 BUKIT AMBOG MOUNTAIN BIKE' SEMPENA HK

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alisahrin Haji Mumin**

**TUTONG**, Ahad, 25 Februari. - Seramai 59 peserta menyertai '430 Bukit Ambog Mountain Bike Challenge Fun Race' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 bertempat di Bukit Ambog, Mukim Pekan Tutong.

Cabaran yang dijalankan selama setengah hari berkenaan adalah anjuran Mukim Keriam, Daerah Tutong dengan kerjasama Team 430 Bukit Ambog Daerah Tutong.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan dalam cabaran berkenaan, iaitu Kategori Veteran; Kategori Fatbike; Kategori Novice Wanita; Kategori Terbuka; Kategori Master; dan Kategori E-Bike.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya membuat pelepasan basikal berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.




**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa pelepasan basikal kepada 59 peserta yang menyertai '430 Bukit Ambog Mountain Bike Challenge Fun Race' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 bertempat di Bukit Ambog, Mukim Pekan Tutong.**

# Walkaton meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar**

**MUKIM KOTA BATU,** Ahad, 25 Februari. - Ahli Jawatankuasa Pegawai-pegawai Masjid Kawasan Zon 4B dan Masjid Kampung Sungai Besar pagi tadi mengadakan Walkaton sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 yang bermula dan berakhir di masjid berkenaan.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit adalah di antara yang hadir menyertai riadah yang meningkatkan kesedaran keperluan kesihatan dalam kehidupan.

Selain untuk memeriahkan lagi sambutan perayaan bagi memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 Tahun, ia juga dihasrat untuk merapatkan hubungan silaturahim, di samping mengimarahkan masjid menerusi aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Riadah walkaton hampir lima kilometer itu juga disertai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, AJK Masjid, Belia dan Beliawanis dan Muslimah daripada masjid-masjid Kawasan Zon 4B.

Terdahulu, para peserta telah mendengar Sesi Ceramah Kuliah Subuh yang mengupas kelebihan dan pengajaran berlakunya peristiwa Israk Mikraj yang disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.



**AHLI Jawatankuasa Pegawai-pegawai Masjid Kawasan Zon 4B dan Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Walkaton sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 yang bermula dan berakhir di masjid berkenaan dan seterusnya para peserta bergambar kenangan.**